

BAB

5

CIRI-CIRI SOSIOEKONOMI PENJAJA DI KUALA LUMPUR

5.1 Pengenalan

Penjaja dan kegiatan menjaja di Kuala Lumpur telah lama bertapak. Bilangannya meningkat dari tahun ke tahun, terutamanya selepas pelancaran DEB pada tahun 1971 (lihat Jadual 4.3). Kemakmuran Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya dan ibu negara Malaysia, menjadi tumpuan para penghijrah, terutamanya dari desa. Bagi mencari nafkah, untuk mengharungi kehidupan bandar, bidang penjajaan adalah di antara peluang pekerjaan yang lumrah diterokai oleh warga Kuala Lumpur. Ini kerana ia hanya senang diceburi dan tidak memerlukan modal serta kemahiran yang tinggi.

Kira-kira hampir 10 peratus penduduk Kuala Lumpur terlibat dengan kegiatan ekonomi menjaja, yang dilakukan dalam berbagai bentuk dan kaedah menjaja, seperti mana yang dibincangkan dalam Bab 4. Walaupun kegiatan menjaja diperakui penting dalam menggerak dan melengkapkan sistem ekonomi bandar raya Kuala Lumpur, namun belum terdapat satu kajian yang komprehensif dan lengkap mengenainya, melainkan terdapat beberapa kajian dalam bentuk "kajian kes", yang dibuat oleh penuntut-penuntut pusat pengajian tinggi dan agensi-agensi kerajaan. Oleh itu, bersandarkan maklumat-maklumat yang diperolehi melalui "kajian-kajian kes" dan maklumat yang diperolehi melalui "sumber-sumber sekunder", perbincangan mengenai penjaja dan keadaan

sosioekonomi mereka diperkatakan. Dengan ini, beberapa anggapan umum dan salah faham sering dibuat terhadap penjaja dan kegiatan menjaja. Tambahan pula, maklumat yang ada sudah tidak terkini lagi.

Mengenai keadaan sosioekonomi penjaja di Kuala Lumpur pula, ada beberapa pendapat dan pandangan mengenainya, diutarakan oleh para pemimpin masyarakat, pentadbir bandar, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), para akademik dan sebagainya. Misalnya, ada pendapat yang menyatakan penjaja adalah golongan berpendapatan rendah dan miskin bandar, kegiatan menjaja mencacat keindahan dan kebersihan bandar dan ada pendapat lain yang menyatakan penjaja memperolehi pendapatan lumayan dan sebagainya. Berbagai-bagi pendapat dan pandangan seperti ini, baik pandangan positif atau negatif, menyebabkan pengkaji berminat untuk membuat kajian dan merumuskan keadaan sebenar penjaja dan kegiatan menjaja, sebagai sebahagian daripada kegiatan ekonomi sektor informal, yang terdapat di bandar raya Kuala Lumpur. Juga untuk melihat sejauh mana konsep "dualisme ekonomi" mendasari pembangunan ekonomi bandar raya ini.

Kajian ini, merupakan "full-scale field investigation", yang menggunakan kaedah-kaedah sosiologikal, yang antara lainnya memaparkan profail sosioekonomi penjaja di Kuala Lumpur, untuk difahami bersama. Maklumat sosioekonomi dan data-data yang diperbincangkan dalam bab ini, diperolehi melalui soal selidik, yang dilakukan oleh pengkaji. Pengalaman pengkaji sebagai pentadbir dan menguruskan hal-hal penjaja di Kuala Lumpur, mulai tahun 1995 sehingga kini, banyak membantu dalam menyempurnakan kajian ini. Oleh

yang demikian, kajian ini penting dan amat berguna, serta dapat melengkapkan lagi kajian-kajian yang sedia ada. Pada perancang dan pentadbir bandar, ianya berfaedah, bagi pengubalan dasar dan perancangan bandar yang menyentuh aspek-aspek kepenjajaan.

Proses pembandaran yang pesat dialami oleh Kuala Lumpur, lebih ketara setelah DEB dilancarkan pada tahun 1971 (lihat Sulong Mohamad dan Rahimah Abd. Aziz, 1985 dan Mohd. Razali Agus, 1992, 1994). Dasar yang tujuan utamanya untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat ini telah membuka banyak peluang-peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan, perdagangan dan perindustrian di Kuala Lumpur (Sulong Mohamad, 1985). Dengan ini, Kuala Lumpur menjadi tumpuan penghijrahan penduduk dari desa dan bandar-bandar kecil yang lain di Malaysia untuk meneroka peluang-peluang baru dalam ekonomi bandar (lihat Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, 1994). Migrasi desa, merupakan komponen yang agak besar dalam struktur penduduk Kuala Lumpur. Persepsi yang dominan di kalangan migran ialah bahawa peluang hidup dan keadaan kehidupan di bandar adalah lebih baik daripada yang terdapat dalam bandar-bandar kecil dan desa. Bekerja sebagai penoreh getah, menanam padi dan menangkap ikan di desa, tidak dapat dipertahankan lagi, kerana pendapatannya rendah dan keluarga sentiasa berada dalam arus kemiskinan. Jadi, untuk mengubah nasib keluarga, mereka berhijrah ke Kuala Lumpur untuk bekerja di sektor perkhidmatan, perdagangan dan perindustrian(Chamhuri Siwar, 1998).

Tidak semua yang berhijrah ke Kuala Lumpur mendapat peluang-peluang pekerjaan yang baik, kerana taraf pelajaran yang rendah dan kekurangan kemahiran. Tambahan pula, peluang pekerjaan yang ada, tidak dapat menampung bilangan penghijrah yang ramai. Oleh itu, untuk mencari nafkah bagi meneruskan penghidupan di Kuala Lumpur, sebahagian daripada mereka menjalankan kegiatan menjaja. Apabila mengusahakan kegiatan menjaja dan pulangan yang diperolehi agak lumayan, mereka mula memperkembangkan kegiatan ini sebagai pekerjaan utama mereka. Pendapatan yang baik diperolehi daripada kegiatan menjaja, menyebabkan semakin ramai penduduk Kuala Lumpur menceburinya. Ia juga mula menarik penghijrah baru untuk terus datang ke Kuala Lumpur. Bagi yang bekerja di sektor lain seperti pekerja kilang, kakitangan kerajaan dan kakitangan swasta yang berpendapatan rendah, mereka mengusahakan kegiatan menjaja sebagai kerja sampingan, di luar waktu kerja tetap mereka, untuk menambah pendapatan keluarga, bagi menampung kos penghidupan yang tinggi di Kuala Lumpur.

Terdapat juga di kalangan penjaja, yang asalnya bekerja di sektor formal. Mereka mengusahakan kegiatan menjaja, kerana telah tamat perkhidmatan di sektor formal. Ada juga yang meninggalkan sektor formal untuk bergiat secara aktif dalam bidang penjajaan, terutamnya golongan yang berpendapatan rendah. Melalui kegiatan menjaja, mereka memperolehi pendapatan lumayan dan setimpal dengan tenaga yang diusahakan.

5.2 Latar Belakang Penjaja Di Kuala Lumpur

Kegiatan menjaja di Kuala Lumpur, diusahakan oleh dua kumpulan utama, iaitu kegiatan menjaja yang diusahakan oleh warga negara Malaysia dan yang diusahakan oleh rakyat asing. Menjaja di kalangan warga negara Malaysia pula dapat dipecahkan kepada dua kelompok, iaitu kelompok penjaja berlesen dan kelompok penjaja tanpa lesen. Mengenai penjaja berlesen, sebagaimana yang direkodkan oleh DBKL, terdapat 34,362 orang sehingga tahun 1998. Daripada jumlah ini, ianya merangkumi 20,126 (58.0 peratus) etnik Cina, 11,237 (33.0 peratus) etnik Melayu dan 2,999 (9.0 peratus) etnik India (lihat Jadual 4.3). Dengan ini, etnik Cina merupakan golongan yang teramai menjadi penjaja di Kuala Lumpur. Keadaan ini berkait rapat dengan struktur penduduk Kuala Lumpur, di mana sebelum tahun 1970, bilangan penduduk Melayu di Kuala Lumpur adalah sedikit bilangannya, berbanding dengan penduduk Cina (lihat Jadual 2.10). Orang-orang Melayu ketika itu, lebih tertumpu kepada bekerja di sektor formal terutamanya dalam perkhidmatan awam (lihat Mohd Razali Agus, 1991).

Apabila DEB dilancarkan pada tahun 1971, bilangan penduduk Melayu di Kuala Lumpur bertambah dengan mendadak pada tahun-tahun berikutnya, akibat daripada penghijrahan penduduk Melayu dari desa dan bandar-bandar kecil yang lain. Ekoran daripada ini juga, bilangan penjaja Melayu di Kuala Lumpur mula meningkat. Ianya bukan sahaja diusahakan oleh penghijrah yang baru datang ke Kuala Lumpur, tetapi juga oleh mereka yang telah lama menetap,

terutamanya pekerja sektor formal yang berpendapatan rendah (Rokiah Talib dan Mohd Fauzi Yaacob, 1986).

Sementara itu, penjaja tanpa lesen ialah kelompok penjaja yang menjalankan kegiatan menjaja tanpa kebenaran oleh pihak DBKL. Walaupun kegiatan mereka sering diburu oleh DBKL, namun mereka tidak serik mengusahakannya, kerana dengan cara menjaja, mereka memperolehi pendapatan yang agak lumayan, untuk menampung pendapatan keluarga. Tidak ada maklumat lengkap mengenai bilangan penjaja tanpa lesen, kerana pihak DBKL tidak pernah membuat bincian terhadap mereka. Jumlahnya dianggarkan lebih kurang 6,000, orang yang kebanyakannya menjaja di tepi-tepi jalan dan pasar-pasar malam.

Manakala mengenai penjaja warga asing pula, ianya tergolong dalam kumpulan penjaja tanpa lesen. Kerajaan Malaysia tidak membenarkan rakyat asing terlibat dengan kegiatan menjaja. Walaupun begitu, mereka tidak mematuhi larangan ini. Biasanya mereka menjaja secara bergerak, untuk mengelak daripada dikesan oleh pihak berwajib. Terdapat juga kegiatan penjaja warga asing ini dilindungi oleh penjaja tempatan, melalui menyewakan gerai kepunyaan penjaja tempatan kepada rakyat asing. Selain daripada itu, rakyat asing dilantik sebagai pembantu gerai oleh penjaja tempatan. Penglibatan rakyat asing dalam aktiviti penjajaan, agak sukar untuk dikawal, kerana mereka sentiasa bergerak dari satu lokasi ke satu lokasi. Warga Indonesia, Filipina dan Bangladesh ialah warga asing yang sering dikesan menjalankan kegiatan menjaja di Kuala Lumpur (lihat Mohamed Salleh Lamry, 1998).

Dengan ini, jelaslah bahawa penjaja yang ada di Kuala Lumpur, terdiri daripada berbagai-bagai latar belakang. Bagi kajian ini, hanya penjaja yang berlesen sahaja menjadi fokus utama kajian, kerana aktiviti mereka diiktiraf oleh pihak berkuasa, mereka menjalankan penjajaan berterusan dan tidak banyak halangan yang dihadapi dalam mengusahakannya. Sehubungan dengan itu, di kalangan responden yang dikaji, didapati 94.6 peratus responden Melayu adalah terdiri daripada mereka yang berhijrah ke Kuala Lumpur. Hanya 5.4 peratus sahaja di kalangan responden Melayu yang menjaja, terdiri daripada kelahiran di Kuala Lumpur. Mereka merupakan generasi kedua, yang mana keluarga asal mereka telah menetap sejak awal lagi di Kuala Lumpur. Sebahagian besar di kalangan responden yang berhijrah, datang dari Negeri Sembilan, Perak, Melaka, Johor, Kedah dan Kelantan. Hakikat ini juga diakui oleh Rokiah Talib dan Mohd Fauzi Yaacob (1986) dalam penelitian mereka tentang penjaja di Kuala Lumpur.

Mereka berhijrah ke Kuala Lumpur, untuk mencari nafkah, bagi mengubah taraf sosioekonomi keluarga. Di kalangan responden Melayu yang berhijrah, didapati mereka datang ke Kuala Lumpur pada tahun-tahun 1970-an dan 1980-an dan sebelum menjaja, telah melakukan berbagai-bagai kerja di peringkat rendah dalam sektor informal. Di kalangan responden etnik India juga, menunjukkan keadaan yang sama seperti etnik Melayu. Lebih daripada 60.0 peratus etnik India berasal dari daerah-daerah dan negeri-negeri selain daripada Kuala Lumpur. Mereka juga dapat digolongkan dalam kumpulan penghijrah. Manakala etnik Cina, menunjukkan bilang yang agak signitikan dengan kelahiran

Kuala Lumpur. Hampir 70.0 peratus responden Cina, menunjukkan tempat asal mereka ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, yang pokok di sini, ialah hakikat bahawa majoriti penjaja sama ada Melayu, Cina atau India, telah lama menjadi pemastautin bandar raya Kuala Lumpur. Manakala kedatangan orang-orang Melayu ke Kuala Lumpur telah meningkatkan bilangan penduduk Melayu di Kuala Lumpur (lihat Mohd Razali Agus, 1991). Mereka dapat terus menetap di Kuala Lumpur kerana aktiviti penjajaan yang dijalankan adalah sebagai bidang pekerjaan untuk mereka.

5.3 Profil Sosiekonomi Penjaja-Penjaja

5.3.1 Lama Tinggal Di Kuala Lumpur Dan Perumahan

Hampir 90.0 peratus responden yang dikaji, telah menetap agak lama di Kuala Lumpur, iaitu lebih daripada sepuluh tahun. Sama ada mereka terdiri daripada penghijrah ataupun kelahiran Kuala Lumpur, apa yang jelas di sini, ialah penjajaan sebahagian besarnya diusahakan oleh mereka yang telah lama menetap di Kuala Lumpur. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.1, ada di kalangan responden telah menetap lebih daripada 20 tahun (31.5 peratus). Lama atau baru menetap di Kuala Lumpur, adalah penting dalam aktiviti penjajaan. Bagi mereka yang baru datang, agak sukar untuk menceburi kegiatan menjaja, kerana mereka memerlukan masa untuk memperolehi tempat yang sesuai, lesen daripada pihak berkuasa dan sebagainya. Manakala bagi yang telah lama tinggal, mereka telah cukup fahan akan situasi dan permasalahan di

Kuala Lumpur, terutamanya berkaitan dengan bidang penjajaan. Dilihat pada etnik Melayu dan India, walaupun mereka merupakan golongan penghijrah ke Kuala Lumpur, tetapi mereka telah lama menetap. Misalnya etnik Melayu, hampir 70.0 peratus telah menetap lebih daripada sepuluh tahun, manakala etnik India, lebih daripada 90.0 peratus. Lebih ketara lagi kalau dilihat pada etnik Cina. Lantaran mereka agak awal menetap di Kuala Lumpur, maka bidang penjajaan agak awal diterokai oleh etnik Cina dan sesetengah lokasi, dimonopoli oleh mereka, sehingga membentuk etnik yang teramai yang menjalankan kegiatan menjaja di bandar raya ini.

Manakala mengenai perumahan yang didiami oleh responden, didapati 40.2 peratus responden tinggal di rumah milik sendiri, 45.9 peratus tinggal di rumah sewa, 2.1 peratus tinggal di kuarters dan 11.8 peratus responden menumpang atau tinggal bersama-sama keluarga. Dilihat dari segi etnik pula, 32.5 peratus etnik Melayu, 47.3 peratus Cina dan 20.4 peratus etnik India memiliki rumah sendiri. Manakala menyewa, 62.1 peratus Melayu, 37.3 peratus Cina dan 43.3 peratus India. Responden yang tinggal di kuarters ialah 3.0 peratus di kalangan etnik Melayu, 13.6 peratus India dan tiada di kalangan etnik Cina. Responden yang menumpang atau tinggal dengan keluarga pula, sebahagian besarnya terdiri daripada etnik India. Jadual 5.2 ialah kedudukan responden dari segi status tempat tinggal (perumahan). Ismail Stapa (1995) dalam kajiannya mengenai penyewaan perumahan awam di Kuala Lumpur, memaklumkan bahawa penyewa-penyewa perumahan awam

Jadual 5.1 Lama Tinggal Di Kuala Lumpur Di Kalangan Responden

	Peratus	Anggaran	Rata-rata	Standard Deviation
1-3 tahun	4 (2.4)	-	-	4 (0.7)
4-6 tahun	21 (12.4)	-	-	21 (4.1)
7-9 tahun	24 (15.0)	4 (1.3)	2 (4.5)	30 (5.8)
10-12 tahun	53 (31.6)	49 (16.3)	4 (9.0)	106 (20.7)
13-15 tahun	34 (20.5)	45 (15.0)	18 (40.9)	97 (19.0)
16-18 tahun	25 (15.1)	52 (17.3)	16 (36.6)	93 (18.2)
19-21 tahun	3 (1.8)	101 (33.8)	2 (4.5)	106 (20.7)
22 tahun dan lebih	2 (1.2)	49 (16.3)	2 (4.5)	53 (10.8)

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : () = Peratus

Manakala dari segi jenis rumah yang diduduki pula, adalah sebagaimana Jadual 5.3. Berdasarkan jadual berkenaan, 9.4 peratus keseluruhan responden tinggal di rumah setinggan. Di kalangan etnik, 9.1 peratus daripada etnik Melayu, 9.6 peratus Cina dan 9.1 peratus India.

Terdapat 38.4 peratus di kalangan responden tinggal di rumah pangsa DBKL. Di kalangan etnik, Melayu 54.8 peratus, Cina 29.3 peratus dan India 38.6 peratus. Responden yang tinggal di apartment, keseluruhannya merangkumi 34.7 peratus. Dari segi etnik, didapati 21.1 peratus Melayu, 42.5 peratus Cina dan 34.1 peratus India. Manakala sejumlah 17.5 peratus daripada responden tinggal di rumah teres dan rumah lot. Mengikut etnik, ianya terdiri daripada 15.0 peratus Melayu, 18.6 peratus Cina dan 18.2 peratus India.

Sebahagian besar responden tinggal di rumah pangsa sewa DBKL. Mereka yang tinggal di rumah setinggan pula, kebanyaknya kepunyaan sendiri. Begitu juga dengan apartment dan rumah teres/lot. Bagi perumahan lot adalah seperti perumahan kampung baru di Jinjang, Kepong dan Kampung Baru. Rumusan daripada maklumat yang diperolehi ini, memberi gambaran bahawa keseluruhan responden mempunyai tempat tinggal tetap dan mereka dapat membayai kos perumahan dengan kegiatan menjaja yang dijalankan. Lantaran itu, Mohd Razali Agus (1992) menyarankan agar diadakan perancangan yang bersepadu dalam merancang pembangunan perumahan awam, supaya golongan berpendapatan rendah diberi peluang mengusahakan kegiatan ekonomi sektor informal seperti menjaja di tempat tinggal mereka.

Jadual 5.2 Status Perumahan Responden

	PERSEN	PERSEN	PERSEN	PERSEN
Rumah sendiri	54 (32.5)	142 (47.3)	9 (20.4)	205 (40.2)
Rumah sewa	103 (62.1)	112 (37.3)	19 (43.3)	234 (45.9)
Kuarters	5 (3.0)	-	6 (13.6)	11 (2.1)
Menumpang keluarga	4 (2.4)	46 (15.4)	10 (22.7)	60 (11.8)

Sumber : Kerja Lapangan

Nota : () = Peratus

Jadual 5.3 Jenis Rumah Yang Didiami Oleh Responden

	PERSEN	PERSEN	PERSEN	PERSEN
Rumah setinggan	15 (9.1)	29 (9.6)	4 (9.1)	48 (9.4)
Rumah pangsa DBKL	91 (54.8)	88 (29.3)	17 (38.6)	196 (38.4)
Apartment	35 (21.1)	127 (42.5)	15 (34.1)	177 (34.7)
Rumah teres/lot	25 (15.0)	56 (18.6)	8 (18.2)	89 (17.5)

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : () = Peratus

5.3.2 Umur Dan Jantina

Pemerhatian yang dibuat oleh Mohd. Fauzi Yaacob dan Rokiah Talib (1986) memberi gambaran yang tipikal tentang penjaja di Kuala Lumpur, iaitu bahawa sebahagian besar mereka terdiri daripada golongan muda. Manakala dari segi jantina pula, majoriti mereka terdiri daripada lelaki (60 peratus), terutamanya etnik Melayu. Sementara itu, kajian ini menghasilkan 27.5 peratus responden berumur di antara 31 hingga 40 tahun dan 46.3 peratus responden berumur di antara 41 hingga 50 tahun. Begitu juga kalau dilihat dari segi etnik, peratusan yang besar adalah tergolong dalam kumpulan umur berkenaan (lihat Jadual 5.4). Ianya membentuk hampir 50 peratus responden berumur dalam lingkungan umur 40-an untuk kesemua etnik. Manakala hanya 12.3 peratus yang berumur 30 tahun ke bawah dan 13.9 peratus yang berumur 50 tahun ke atas untuk semua etnik.

Dari segi jantina pula, kajian ini menghasilkan lebih kurang 70 peratus keseluruhan responden terdiri daripada lelaki. Di kalangan wanita, hanya merangkumi 30 peratus responden sahaja. Peratusan yang tinggi di kalangan responden lelaki, menunjukkan bahawa bilangan penjaja lelaki merupakan golongan yang teramai, dalam kegiatan menjaja di Kuala Lumpur (lihat Jadual 5.5). Dari segi umur dan jantina, penemuan kajian ini agak serasi dengan apa yang telah diperkatakan oleh Mohd. Fauzi Yaacob dan Rokiah Talib (1986) bahawa sebahagian besar penjaja di Kuala Lumpur terdiri daripada golongan muda dan lelaki.

Jadual 5.4 Peringkat Umur Di Kalangan Responden

UMUR	MELAKU	WANITA	TOTAL	PERATUS
20 tahun dan kurang	4 (2.4)	5 (1.6)	-	9 (1.7)
21 – 30 tahun	20 (12.1)	32 (10.6)	2 (4.5)	54 (10.6)
31 – 40 tahun	43 (25.9)	92 (30.6)	5 (11.4)	140 (27.5)
41 – 50 tahun	70 (42.2)	141 (47.2)	25 (56.9)	236 (46.3)
51 – 60 tahun	23 (13.8)	21 (7.0)	10 (22.7)	54 (10.6)
61 tahun dan ke atas	6 (3.6)	9 (3.0)	2 (4.5)	17 (3.3)

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : () = Peratus

Jadual 5.5 Jantina Di Kalangan Responden

JANTINA	MELAKU	WANITA	TOTAL	PERATUS
Lelaki	110	66.3	221	73.7
Perempuan	56	33.7	79	26.3

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

5.3.3 Taraf Perkahwinan

Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.6, taraf perkahwinan di kalangan responden menunjukkan peratusan yang tinggi (lebih daripada 90 peratus) adalah terdiri daripada individu yang telah berkahwin. Begitu juga jika dilihat dari sudut penyebaran etnik, menunjukkan semua etnik, peratusan yang tinggi terdiri daripada individu yang telah berkahwin (Melayu 91.0 peratus, Cina 94.6 peratus dan India 86.4 peratus).

Hanya sejumlah kecil sahaja keseluruhan responden yang bujang (1.6 peratus). Manakala duda mewakili 0.9 peratus, janda pula 5.7 peratus. Dengan mengandaikan bahawa membuat generalisasi berdasarkan kes-kes yang diliputi oleh kajian ini, maka gambaran yang dapat diberikan mengenai penjaja-penjaja di bandar raya Kuala Lumpur ini ialah bahawa sebahagian besar daripada mereka, terdiri daripada individu-individu yang sudah berumah tangga, serta mempunyai tanggungan masing-masing dan menggunakan bidang penjajaan sebagai mata pencarian untuk menanggung orang-orang yang berada di bawah tanggungan mereka. Bagi golongan janda (5.7 peratus) kegiatan menjaja diusahakan sebagai punca mencari pendapatan, kerana pekerja ini agak senang diceburi dan sesuai dengan keadaan fizikal seorang wanita.

Jadual 5.6 Taraf Perkahwinan Di Kalangan Responden

	Belum Kahwin	Kahwin	Telah Cerai	Telah Janda
Berkahwin	151 (91.0)	279 (94.6)	38 (86.4)	468 (91.8)
Duda	-	5 (1.6)	-	5 (0.9)
Janda	12 (7.2)	11 (3.6)	6 (13.6)	29 (5.7)
Bujang	3 (1.8)	5 (1.6)	-	8 (1.6)

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : () = Peratus

5.3.4 Taraf Pelajaran

Secara umum, individu yang terlibat dalam sektor informal dikatakan terdiri daripada mereka yang agak rendah taraf pelajarannya. Kajian-kajian kes dalam kegiatan penjajaan dan perniagaan kecil sebelum ini juga menunjukkan kecenderungan yang sama (lihat Rokiah Talib dan Mohd. Fauzi Yaacob, 1986, Mohd. Fauzi Yaacob, 1992 dan Nor Aini Haji Idris, 1992). Oleh kerana taraf pelajaran mereka agak rendah, mereka tidak berpeluang untuk memperolehi peluang kerja yang baik di sektor formal. Dengan ini, sektor informal merupakan harapan terakhir untuk mereka mencari pendapatan.

Hasil kajian ini juga mendapati pola yang sama dengan kajian-kajian sebelum ini, iaitu sebahagian besar responden di kalangan semua etnik, taraf pelajarannya rendah (lebih daripada 95 peratus). Keseluruhan responden membentuk 66.3 peratus hanya bersekolah setakat sekolah rendah. Responden yang belajar sehingga sekolah menengah pula hanya 13.2 peratus. Bagi yang mempunyai Sijil Rendah Pelajaran dan yang setaraf dengannya ialah 15.7 peratus. Manakala responden yang mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setaraf dengannya merangkumi 3.5 peratus daripada keseluruhan responden. Dalam pada itu, terdapat 1.3 peratus responden yang tidak bersekolah atau tidak menerima pendidikan secara formal. Bagi responden yang mempunyai Sijil Rendah Pelajaran atau Sijil Pelajaran Malaysia pula hanyalah setakat memperolehi Sijil Am dan tidak membolehkan mereka untuk meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

Apa yang dapat dirumuskan daripada hasil kajian ini mengenai taraf pelajaran para penjaja di Kuala Lumpur ialah ianya diusahakan oleh individu yang sangat rendah taraf pelajaran serta terdiri daripada mereka yang tercicir dalam pelajaran. Oleh itu, bagi meneruskan kgiatan menjaja, mereka memperolehi kemahiran/pengetahuan melalui saudara mara atau kawan-kawan. Ekoran daripada ini juga didapati para penjaja membentuk sikap yang negatif dari segi kebersihan dan kemajuan kerjaya mereka. Jadual 5.7 menunjukkan taraf pelajaran di kalangan responden.

Jadual 5.7 Taraf Pelajaran Di Kalangan Responden

	Tidak bersekolah	4 (1.3)	3 (6.8)	7 (1.3)
Sekolah rendah	81 (48.8)	221 (73.8)	36 (81.9)	338 (66.3)
Sekolah menengah	49 (29.5)	15 (5.0)	3 (6.8)	67 (13.2)
SRP/LCE dan sebagainya	29 (17.5)	49 (16.3)	2 (4.5)	80 (15.7)
SPM/MCE dan sebagainya	7 (4.2)	11 (3.6)	-	18 (3.5)

Sumber : Kerja Lapangan

Nota : () = Peratus

5.3.5 Pekerjaan Tetap Dan Tanggungan

Sebagaimana yang telah diperkatakan, bahawa kegiatan menjaja di Kuala Lumpur diusahakan secara tetap dan juga secara sambilan. Individu yang menjaja secara tetap, adalah merupakan pekerjaan utama baginya dalam mencari nafkah, manakala yang mengusahakan secara sambilan pula, merupakan kerja sampingan untuk mencari pendapatan tambahan, di luar waktu kerja utama mereka. Menjaja sebagai kerja sambilan, membentuk 6.3 peratus dan menjaja sebagai kerja tetap

(sepenuh masa) merangkumi 93.7 peratus bagi keseluruhan responden (lihat Jadual 5.8).

Bagi responden yang menjaja sepenuh masa, didapati tiada lagi kerja lain yang dilakukan selain daripada menjaja. Rata-rata di kalangan mereka, mendapat bantuan daripada keluarga iaitu isteri, anak-anak dan saudara-mara, dalam menjalankan kegiatan menjaja. Bagi responden yang menjaja sebagai kerja sambilan pula, sebahagian besarnya terdiri daripada responden yang telah mempunyai pekerjaan tetap, terutamanya bekerja di sektor formal, dengan kerajaan ataupun pihak swasta. Mereka merupakan pekerja di peringkat rendah atau bawahan seperti kerani, pemandu, jaga, pembantu pejabat, buruh am dan sebagainya. Oleh kerana mereka pekerja peringkat rendah, pendapatan tetap yang diperolehi tidak cukup untuk menampung kos penghidupan yang tinggi di Kuala Lumpur. Oleh yang demikian, mereka mengusahakan aktiviti menjaja di luar waktu kerja tetap seperti sebelah petang, malam dan hari-hari cuti umum, untuk mencari pendapatan tambahan.

Di kalangan responden yang menjadikan kegiatan menjaja sebagai kerja sambilan, didapati juga diusahakan oleh isteri, manakala suami mempunyai pekerja lain selain daripada menjaja. Dalam kes ini, ianya merangkumi 24.9 peratus daripada keseluruhan responden pelbagai etnik. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.9, pekerja tetap suami dapat dikesan, di mana mereka bekerja dengan kerajaan (10.2 peratus), bekerja dengan swasta (39.3 peratus) dan bekerja sendiri selain daripada

menjaja (50.5 peratus) seperti sebagai pemandu, kontraktor kecil, buruh binaan, tukang gunting dan sebagainya.

Manakala di kalangan responden yang isteri mereka mempunyai pekerjaan tetap, merangkumi 16.4 peratus daripada keseluruhan responden kesemua etnik. Kelompok ini membentuk 10.7 peratus isteri bekerja dengan kerajaan dan 40.4 peratus isteri bekerja dengan swasta yang digolongkan dalam kegiatan sektor formal. Manakala 48.9 peratus lagi, terdiri daripada isteri yang bekerja sendiri, selain daripada menjaja seperti bekerja sebagai tukang jahit, jualan langsung, buruh am dan sebagainya (lihat Jadual 5.10).

Jadual 5.8 Taraf Penjajaan Di Kalangan Responden

Etnik	Jumlah	Menjaja		Bekerja sendiri		Bekerja tetap	
		Peratus	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus	Jumlah
Melayu	152	91.5	14	8.5	166	100	
Cina	282	94.0	18	6.0	300	100	
India	44	100	-	-	44	100	

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Jadual 5.9 Pekerjaan Tetap Suami Di Kalangan Responden

	1	2	3	4	5
Bekerja dengan kerajaan	13 (13.3)	-	-	-	13 (10.2)
Bekerja dengan swasta	17 (43.5)	26 (34.6)	7 (53.8)	50 (39.3)	
Kerja sendiri selain daripada menjaja	9 (23.2)	49 (65.4)	6 (46.2)	64 (50.5)	

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : () = Peratus

Jadual 5.10 Pekerjaan Tetap Isteri Di Kalangan Responden

	1	2	3	4	5
Bekerja dengan kerajaan	9 (32.1)	-	-	-	9 (10.7)
Bekerja dengan swasta	12 (42.8)	19 (39.5)	3 (37.5)	34 (40.4)	
Kerja sendiri selain daripada menjaja	7 (25.1)	29 (60.5)	5 (62.5)	41 (48.9)	

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : () = Peratus

Dengan menjalankan kegiatan menjaja secara sepenuh masa (94.3 peratus daripada keseluruhan responden), para penjaja memperolehi pendapatan untuk menyara orang-orang di bawah tanggungannya, seperti persekolahan anak-anak, keperluan makanan, pakaian, perumahan, pengangkutan dan sebagainya. Bagi kumpulan ini, pendapatan daripada kegiatan menjajalah merupakan pendapatan utama keluarga mereka untuk menyara keluarga. Manakala responden yang menjaja secara sambilan (6.3 peratus daripada keseluruhan responden) menggunakan pendapatan yang diperolehi untuk menampung pendapatan tetap dalam menyara tanggungan dan membiayai keperluan harian keluarga. Apa yang jelas di sini ialah sebilangan besar responden (lebih daripada 80 peratus) mempunyai tanggungan lebih daripada 3 orang. Sebagaimana Jadual 5.11, keseluruhan responden semua etnik yang mempunyai tanggungan, terutamanya anak-anak di antara 1 hingga 2 orang hanya 7.6 peratus. Jumlah tanggungan di antara 3 hingga 4 orang 60.3 peratus, tanggungan di antara 5 hingga 6 orang sebanyak 28.8 peratus dan yang menanggung tanggungan 7 orang dan lebih merangkumi 3.3 peratus. Ini bermakna kegiatan menjaja di Kuala Lumpur mampu untuk menyara keluarga.

Jadual 5.11 Taburan Tanggungan Di Kalangan Responden

	Tanah pertama	Tanah kedua	Tanah ketiga	Tanah keempat	Tanah kelima
1 hingga 2	11 (6.6)	21 (7.0)	7 (15.9)	39 (7.6)	
3 hingga 4	111 (66.9)	172 (57.4)	25 (56.8)	308 (60.3)	
5 hingga 6	39 (23.5)	96 (32.0)	12 (27.3)	147 (28.8)	
7 dan lebih	5 (3.0)	11 (3.3)	-	16 (3.3)	

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : () = Peratus

5.3.6 Status Penjajaan/ Perniagaan

Telah menjadi syarat atau dasar DBKL, bahawa lesen menjaja yang dikeluarkan adalah untuk orang perseorangan. Melainkan bagi perniagaan di Pasar Borong sahaja, lesen diberi juga kepada syarikat. Oleh yang demikian, didapati semua kategori penjajaan seperti penjaja pasar, penjaja statistik di jalan, penjaja di pusat menjaja, penjaja pasar malam, penjaja bergerak dan penjaja bermusim, adalah terdiri daripada individu yang diberi lesen untuk menjaja secara perseorangan dan status penjajaan mereka adalah secara kecil-kecilan. Usaha secara berkongsi tidak diamalkan secara meluas dan jika adapun, ianya secara tidak rasmi

ataupun persefahaman biasa. Ini kerana, pengeluaran lesen hanya pada orang perseorangan sahaja. Tujuannya, supaya kegiatan menjaja dapat dilakukan secara menyeluruh oleh warga kota, tanpa dimonopoli oleh golongan-golongan tertentu sahaja. Sementara itu, semua responden dalam kajian ini, didapati lesen menjaja yang dimiliki oleh mereka di atas nama individu dan tingkat operasi mereka juga secara umumnya secara kecil-kecilan.

Status perniagaan penjaja adalah secara perseorangan dan kecil-kecilan kerana aktiviti penjajaan menunjukkan bahawa untuk memulakan kegiatan menjaja, modal yang besar tidak diperlukan. Modal yang dapat dibekalkan oleh seorang individu sudah memadai untuk memulakan satu usaha penjajaan. Oleh itu, tidak terdapat keperluan untuk mencari rakan kongsi. Begitu juga dalam soal pengurusan penjajaan/ perniagaan. Didapati perniagaan/ penjajaan diuruskan oleh pemodal itu sendiri secara perseorangan. Dalam pada itu, terdapat juga aktiviti penjajaan yang dilakukan dengan bantuan ahli-ahli keluarganya yang lain atau orang luar sama ada dibayar upah atau semata-mata atas dasar membantu sahaja. Misalnya, di kalangan responden, didapati 53.7 peratus kegiatan menjaja yang dilakukan dibantu oleh pembantu, sama ada ahli keluarga ataupun pembantu yang dibayar upah. Manakala selebihnya didapati responden mengusahakan sendiri kegiatan menjaja tanpa pembantu.

Dengan ini, jelaslah bahawa status penjajaan adalah secara perseorangan dan bersaiz kecil. Rata-rata mereka menjadikan kegiatan

menjaya sebagai bidang pekerjaan untuk mencari pendapatan sama ada dilakukan secara tetap atau secara sampingan. Usaha seperti ini, merupakan semangat berdikari dan pencetus semangat bermula dan melalui pengalaman serta kemahiran yang diperolehi, mungkin mereka boleh berjaya sebagai seorang usahawan di masa akan datang. Ini sesuai dengan konsep perniagaan yang menggalakkan ianya dimulakan secara kecil-kecilan dahulu (lihat Mohd Razali Agus, 1992).

5.3.7 Pendapatan

Agak sukar untuk memperolehi maklumat yang tepat mengenai pendapatan seseorang penjaja. Kesahihannya banyak menimbulkan keraguan. Ini kerana responden tidak akan memaklumkan dengan tepat tentang pendapatan sebenar mereka untuk mengelakkan daripada berlakunya kemungkinan yang menjelaskan aktiviti mereka. Ada juga di kalangan responden memaklum pendapatan yang rendah, walhal pendapatannya lebih, semata-mata untuk menagih simpati di atas aktiviti mereka. Walau bagaimanapun, kajian ini berusaha merasmiisasikan pendapatan yang diperolehi oleh responden melalui kombinasi beberapa teknik kajian, agar seboleh-bolehnya, maklumat yang diperolehi mencerminkan hakikat sebenar. Oleh itu, mengenai pendapatan di kalangan responden dalam kajian ini, diklasifikasikan kepada beberapa kumpulan atau kelompok pendapatan.

Responden yang memperolehi pendapatan kasar harian RM200.00 dan ke bawah di kalangan etnik Melayu ialah 18.1 peratus, etnik Cina 7.6 peratus dan etnik India 13.7 peratus. Bagi keseluruhan responden semua etnik pula didapati merangkumi 11.4 peratus. Responden yang termasuk dalam kumpulan pendapatan ini, ialah kebanyakannya terdiri daripada penjaja-penjaja yang menjaja secara sambilan seperti menjual nasi lemak, kuih-muih, goreng pisang, buah-buahan, minuman dan sebagainya. Lokasi menjaja pula adalah di atas bahu jalan, tepi jalan, tepi bangunan dan lain-lain, dengan menjaja dalam jangka waktu yang pendek seperti beberapa jam di waktu pagi, tengah hari ataupun malam. Modal yang dikeluarkan pun agak kecil dan tapak menjaja yang tidak kekal. Tapak akan dikosongkan selepas tamat menjaja. Kebanyakkannya daripada responden, memaklumkan bahawa mereka menjaja sekadar mencari pendapatan tambahan untuk menampung kewangan keluarga.

Responden yang memperolehi pendapatan kasar harian di antara RM201.00 hingga RM500.00 mengikut etnik ialah Melayu 41.5 peratus, Cina 29.6 peratus dan India 29.4 Peratus . Keseluruhan responden semua etnik ialah 32.7 peratus. Mereka kebanyakannya terdiri daripada penjaja yang menjaja sepenuh masa, walaupun terdapat juga yang menjaja secara sambilan. Waktu menjaja juga agak lama, kerana lokasi atau tapak menjaja mereka kekal seperti di pusat-pusat menjaja, gerai berkunci, pasar dan penjaja jalanan, di lokasi-lokasi yang agak strategik di pusat bandar. Modal yang dikeluarkan untuk operasi harian juga agak

besar. Manakala sesetengah responden mendapat bantuan ahli keluarga, dalam kegiatan menjaja.

Seterusnya ialah responden yang memperolehi pendapatan kasar harian di antara RM501.00 hingga RM1,000.00 sehari. Jika dilihat dari segi etnik, pendapatan sebegini didapati 34.9 peratus di kalangan etnik Melayu, 61.2 etnik Cina dan 52.2 peratus etnik India. Peratus keseluruhan responden semua etnik yang berpendapatan dalam kumpulan ini ialah 52.9 peratus. Mereka sebahagian besarnya terdiri daripada penjaja-penjaja yang menjaja di pasar-pasar, pusat menjaja dan terdapat juga di kalangan penjaja jalanan. Bagi yang menjaja di pasar, mereka menjual keperluan harian, manakala yang menjaja di pusat menjaja dan di jalanan, rata-rata menjual makanan yang siap dimasak dan masak di gerai. Modal harian yang dikeluarkan oleh mereka agak besar, dengan tempoh menjaja juga agak panjang. Bagi membantu operasi harian, didapati pembantu gerai bergaji dilantik.

Kelompok terakhir yang dapat dikesan ialah responden yang memperolehi pendapatan kasar harian di antara RM1,001.00 hingga RM3,000.00. Etnik Melayu ialah 5.5 peratus, Cina 1.6 peratus dan India 4.6 peratus. Keseluruhan semua etnik merangkumi 3 peratus responden membentuk kumpulan pendapatan ini. Responden yang termasuk dalam kumpulan pendapatan ini, keseluruhannya menjaja secara tetap sepenuh masa dengan tingkat operasi mereka lebih besar. Rata-rata mereka mempunyai "pembantu gerai" bergaji, untuk membantu mengendalikan

operasi menjaja. Kegiatan menjaja mereka yang dikesan, ialah menjual makanan mentah dan runcit di tapak-tapak pasar. Terdapat juga yang menjual makanan bermasak. Mereka menjaja dengan saiz gerai agak besar, berbumbung dan lengkap dengan tempat makan pelanggan seolah-olah sebuah restoran. Oleh kerana tingkat operasi mereka agak besar, maka modal permulaan dan modal harian yang dikeluarkan juga lebih besar. Begitu juga dengan waktu menjaja, ianya agak lama seperti bermula waktu pagi hingga ke petang atau petang hingga ke malam.

Rumusan yang dapat dibuat daripada maklumat pendapatan responden yang diperolehi daripada kajian ini, ialah purata pendapatan kasar di kalangan responden ialah sebanyak RM550.00 sehari. Ini bermakna untuk sebulan, pendapatan kasar responden ialah sejumlah RM16,500.00. Jika diandaikan purata pendapatan bersih mereka RM100.00 sehari, ini bermakna setiap responden memperolehi pendapatan bersih purata RM3,000.00 sebulan. Jumlah pendapatan sebanyak ini adalah agak lumayan, malah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan sesetengah pekerja di sektor formal yang setaraf dengan taraf seorang penjaja, dari segi taraf pelajaran dan kemahiran. Lebih jauh daripada itu, jika dilihat pada pendapatan garis kemiskinan yang ditetapkan iaitu RM350.00 (1989) atau RM405.00 (1993)¹, maka

1. Lihat Chamhuri Siwar (1996)."Kemiskinan Bandar: Keperluan Perumahan dan Kemudahan Asas Bagi Penduduk Miskin", dalam Chamhuri siwar dan Nor Aini Hj. Idris (ed). **Kemiskinan Dalam Arus Pembangunan Ekonomi Malaysia**. Bangi: UKM.hlm.133.

secara umumnya, pendapatan penjaja-penjaja di Kuala Lumpur, jauh melampaui tahap garis kemiskinan dan bertentangan sama sekali dengan kenyataan umum yang menyatakan mereka adalah kumpulan miskin bandar. Penemuan ini juga turut menyokong kajian Sing Tong Joo (1993) dan pandangan Rokiah Talib dan Mohd Fauzi Yaacob (1986) yang menyatakan pendapatan para penjaja adalah tinggi dan mereka tidak miskin di bandar. Sementara itu, di kalangan responden didapati tidak ada yang membayar cukai pendapatan, sedangkan pekerja di sektor formal tidak boleh mengelak daripada membayar cukai pendapatan setiap tahun. Jadual 5.12 adalah maklumat mengenai pendapatan kasar harian responden.

Jadual 5.12 Pendapatan Kasar Harian Responden

Pendapatan	Peratus	Peratus	Peratus	Peratus
RM 0.00-RM100.00	5 (3.0)	-	2 (4.6)	7 (1.3)
RM101.00-RM200.00	25 (15.1)	23 (7.6)	4 (9.1)	52 (10.1)
RM201.00-RM300.00	29 (17.5)	21 (7.0)	4 (9.1)	54 (10.3)
RM301.00-RM400.00	21 (12.6)	29 (9.6)	4 (9.1)	54 (10.3)
RM401.00-RM500.00	19 (11.4)	39 (13.0)	5 (11.3)	63 (12.1)
RM501.00-RM600.00	16 (9.6)	55 (18.8)	6 (13.6)	77 (16.0)
RM601.00-RM700.00	14 (8.4)	53 (17.6)	5 (11.3)	72 (14.3)
RM701.00-RM800.00	15 (9.1)	47 (15.6)	4 (9.1)	66 (13.1)
RM801.00-RM900.00	8 (4.8)	7 (5.6)	4 (9.1)	29 (5.6)
RM901.00-RM1000.00	5 (3.0)	11 (3.6)	4 (9.1)	20 (3.9)
RM1001.00-RM2000.00	6 (3.7)	3 (1.0)	2 (4.6)	11 (2.1)
RM2001.00-RM3000.00	3 (1.8)	2 (0.6)	-	5 (0.9)

Sumber: Kerja Lapangan, 1999

Nota : ()=Peratus

5.3.8 Pemilikan Harta

Kajian ini tidaklah menggumpul secara terperinci tentang pemilikan harta di kalangan responden. Walau bagaimanapun, mengenai pemilikan harta di kalangan responden, terjelas daripada pemilikan kenderaan, status perumahan responden (Lihat Jadual 5.2 dan 5.3) serta pemaparan mengenai pendapatan mereka (Lihat Jadual 5.12). Mengenai perumahan, didapati 40.2 peratus responden melaporkan bahawa mereka tinggal di rumah milik sendiri. Rumah dibeli hasil daripada kegiatan menjaja. Manakala dari segi pendapatan pula, secara amnya,kedudukan ekonomi responden tidaklah seburuk yang lazim digambarkan. Hampir kesemua dari mereka ini, memperolehi pendapatan yang meletakkan mereka di atas dari garis kemiskinan mutlak. Dengan ini, mereka berpeluang untuk memiliki harta seperti kelengkapan rumah, kenderaan dan lain-lain kemudahan.

Dapat dikesan juga di kalangan responden bahawa 19.8 peratus memiliki motosikal, 52.9 peratus memiliki kereta, 15.7 peratus memiliki van dan 3.1 peratus memiliki lori kecil. Kenderaan adalah penting dalam aktiviti penjajaan, kerana ianya menyenangkan urusan pengangkutan barang sama ada bahan-bahan mentah atau barang yang hendak dijaja ke lokasi. Jadual 5.13 adalah menunjukkan pemilikan kenderaan di kalangan responden. Sebagai rumusan, bahawa kegiatan menjaja juga memberi pendapatan yang baik dan para penjaja juga berpeluang untuk mengumpul kekayaan melalui kegiatan menjaja.

Jadual 5.13 Pemilikan Kenderaan Di Kalangan Responden

KENDERAAN	TOTAL	ORANG DULU	ORANG SEKARANG	ORANG LAIN
Motorsikal	38 (22.9)	46 (15.3)	17 (38.6)	101 (19.8)
Kereta	82 (49.4)	179 (59.8)	9 (20.4)	270 (52.9)
Van	26 (15.7)	41 (13.6)	13 (29.5)	80 (15.7)
Lori Kecil	9 (5.4)	7 (2.3)	-	16 (3.1)
Tiada	11 (6.6)	27 (9.0)	5 (11.5)	43 (8.5)

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : () = Peratus

5.4 Persekutaran Kegiatan Menjaja

Di kalangan responden, didapati mereka terdiri daripada berbagai-bagai kategori penjaja seperti penjaja pasar, penjaja pasar malam, penjaja di pusat menjaja, penjaja di gerai berkunci penjaja bergerak dan penjaja statik di jalanan. Kegiatan mereka bergantung kepada kesesuaian lokasi dan lesen menjaja yang diberikan oleh pihak DBKL. Dalam hal ini, natijah persekitaran kegiatan menjaja di kalangan responden akan dibincangkan agar dapat kita memahaminya dengan lebih mendalam.

5.4.1 Lama Menjaja

Mengenai lama atau baru penjaja menjalankan kegiatan menjaja di Kuala Lumpur dapat dikesan daripada maklumat yang diperolehi daripada responden, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14. Berdasarkan jadual ini, didapati 11.7 peratus responden telah menjaja di antara 3 hingga 4 tahun. Dari segi etnik, responden Melayu 15.7 peratus, Cina 10.3 peratus dan India 6.8 peratus di kalangan etnik mereka. Responden yang telah menjaja dalam jangka masa di antara 5 hingga 6 tahun, mewakili 39.8 peratus bagi etnik Melayu, 30.3 peratus etnik Cina dan 29.5 peratus etnik India. Manakala keseluruhan responden yang telah menjaja dalam tempoh ini ialah 33.3 peratus.

Tempoh menjaja di antara 7 hingga 8 tahun, di kalangan etnik Melayu ialah 26.5 peratus, etnik Cina 37.6 peratus dan etnik India 36.4 peratus. Keseluruhan responden semua etnik pula membentuk 33.9 peratus. Bagi responden yang telah menjaja untuk tempoh diantara 9 hingga 10 tahun, di kalangan etnik Melayu 13.8 peratus, etnik Cina 12.2 peratus dan etnik India 20.5 peratus. Keseluruhan responden semua etnik ialah 13.3 peratus. Tempoh menjaja 11 tahun dan lebih mengikut etnik didapati 4.2 peratus dikalangan etnik Melayu, 9.6 peratus etnik Cina dan 6.8 peratus etnik India. Keseluruhan responden semua etnik sebanyak 7.8 peratus.

Apa yang jelas disini, ialah sejumlah besar responden (55 peratus) telah menjaja di Kuala Lumpur ini lebih daripada 7 tahun. Ini juga

menunjukkan bahawa mereka telah lama menjaja. Lebih-lebih lagi etnik Cina dan India yang merupakan etnik yang agak awal menetap di Kuala Lumpur berbanding dengan etnik Melayu. Dalam pada itu, terdapat juga di kalangan responden yang baru menjaja di sesuatu lokasi, tetapi sebenarnya mereka telah lama menjaja di lokasi lain, cuma mereka berpindah lokasi menjaja sahaja di tempat yang mereka sedang menjaja kini. Terdapat juga bahawa penjaja sendiri yang memohon untuk berpindah, bagi meningkatkan pasaran. Selain itu, pihak DBKL juga mengarahkan penjaja berpindah kerana lokasi asal tidak sesuai lagi.

Jadual 5.14 Lama Menjaja Di Kalangan Responden

	Peratus	Peratus	Peratus	Peratus
3-4 Tahun	26 (15.7)	31 (10.3)	3 (6.8)	60 (11.7)
5-6 Tahun	66 (39.8)	91 (30.3)	13 (29.5)	170 (33.3)
7-8 Tahun	44 (26.5)	113 (37.6)	16 (36.4)	173 (33.9)
9-10 Tahun	23 (13.8)	36 (12.2)	9 (20.5)	68 (13.3)
11 Tahun dan lebih	7 (4.2)	29 (9.6)	3 (6.8)	39 (7.8)

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : () = Peratus

5.4.2 Barang Yang Dijaja

Berdasarkan Jadual 5.15, didapati 29.5 peratus responden etnik Melayu menjaja makanan bermasak, 20.6 peratus etnik Cina dan 63.7 peratus etnik India. Keseluruhan responden semua etnik yang menjaja makanan bermasak ialah 27.2 peratus. Terdapat 26.5 peratus responden Melayu yang menjual makanan mentah seperti ikan, ayam, sayur-sayuran dan sebagainya. Responden Cina 33.0 peratus dan India 6.8 peratus. Manakala keseluruhan responden semua etnik didapati 28.4 peratus yang menjaja makanan mentah.

Responden juga, dapat dikesan menjaja buah-buahan, dengan membentuk 19.4 peratus daripada keseluruhan responden. Dari segi di kalangan etnik, didapati 17.5 peratus di kalangan etnik Melayu, 23.3 peratus etnik Cina dan tiada di kalangan etnik India. Selain daripada itu, didapati 26.5 peratus di kalangan etnik Melayu, 22.6 peratus etnik Cina dan 29.5 peratus etnik India yang menjaja bukan makanan. Barang yang dijaja ialah seperti pakaian, peralatan kecil rumah, barang-barang hiasan, permainan kanak-kanak dan sebagainya. Keseluruhan responden semua etnik yang menjual barang ini membentuk 25 peratus. Dengan ini, bermakna penjaja di Kuala Lumpur menjaja bukan sahaja dalam berbagai-bagai kategori penjajaan, tetapi juga ia dapat dikesan menjaja berbagai-bagai barang mengikut kesesuaian masing-masing.

Jadual 5.15 Responden Dan Barang Yang Dijaja

	Barang Dijaja	Tidak Dijaja	Total	Rata-rata
Makanan Bermasak	49 (29.5)	62 (20.6)	28 (63.7)	139 (27.2)
Makanan Mentah	44 (26.5)	100 (33.0)	3 (6.8)	147 (28.4)
Buah-Buahan	29 (17.5)	70 (23.3)	-	99 (19.4)
Bukan Makanan	44 (26.5)	68 (22.6)	13 (29.5)	125 (25.0)

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : () = Peratus

5.4.3 Waktu Menjaja

Kegiatan menjaja di Kuala Lumpur hanya dibenarkan mengikut jangka waktu sebagaimana yang tercatit di dalam lesen menjaja yang dikeluarkan oleh pihak DBKL. Menjaja di luar waktu yang dibenarkan menjadi satu kesalahan dan boleh diambil tindakan penguatkuasaan oleh DBKL. Penetapan waktu menjaja, bertujuan untuk mengelakkan penjaja daripada mengguna sesuatu tapak/ lokasi sesuka hati yang boleh menghalang urusan-urusan lain di tapak atau lokasi berkenaan.

Selaras dengan peraturan berkenaan, maka didapati 13.8 peratus responden etnik Melayu menjaja di antara pukul 7.00 pagi hingga 11.00

pagi, manakala etnik Cina 9 peratus dan India 9.1 peratus. Keseluruhan responden semua etnik merangkumi 10.6 peratus. Penjaja yang menjaja dalam jangka waktu ini, kebanyakannya terdiri daripada penjaja-penjaja di pasar-pasar, penjaja sambilan di jalanan yang menjual makanan secara bungkus dan sebagainya. Golongan yang menjaja di antara pukul 12.00 tengah hari hingga jam 4.00 petang, membentuk 21.7 peratus di kalangan etnik Melayu, 16.3 peratus Cina dan 47.7 peratus India dengan keseluruhannya berjumlah 20.8 peratus responden. Kelompok ini juga, sejumlah besarnya terdiri daripada penjaja makanan bermasak yang mengambil peluang waktu makan tengah hari.

Waktu menjaja mulai pukul 5.00 petang hingga 12.00 malam di kalangan etnik Melayu terdapat sebanyak 18.1 peratus, 29.2 peratus responden Cina dan 11.4 peratus India. Peratus keseluruhan responden ialah 23.9 peratus. Kumpulan ini juga rata-rata terdiri daripada responden yang menjaja makanan bermasak dan yang dimasak di gerai dan penjaja-penjaja di pasar malam.

Bagi responden yang menjaja untuk tempoh pukul 7.00 pagi hingga pukul 5.00 petang pula merangkumi 25.3 peratus daripada keseluruhan responden, manakala responden yang menjaja bermula jam 6.00 petang hingga jam 6.00 pagi membentuk 14.9 peratus keseluruhannya. Penjaja yang menjaja untuk jangka masa seperti ini juga kebanyakannya menjaja makanan dan minuman di lokasi tertentu, terutamanya tempat-tempat yang menjadi tumpuan ramai seperti

berdekatan dengan kilang, tapak binaan dan sebagainya. Dalam pada itu, didapati juga sejumlah 4.5 peratus responden menjaja tidak menentu masa. Kumpulan penjaja ini kebiasaannya terdiri daripada mereka yang menjaja secara sambilan dan bergerak. Jadual 5.16 adalah ditunjukkan tempoh waktu menjaja di kalangan responden.

Jadual 5.16 Responden Dan Waktu Menjaja

Waktu menjaja	Peratus	Peratus	Peratus	Peratus
7.00 pagi – 11.00 pagi	23 (13.8)	27 (9.0)	4 (9.1)	54 (10.6)
12.00 pagi – 4.00 petang	36 (21.7)	49 (16.3)	21 (47.7)	106 (20.8)
5.00 petang – 12.00 malam	30 (18.1)	87 (29.2)	5 (11.4)	122 (23.9)
7.00 pagi – 5.00 petang	34 (20.5)	89 (29.6)	6 (13.6)	129 (25.3)
6.00 petang – 6.00 pagi	34 (20.5)	37 (12.3)	5 (11.4)	76 (14.9)
Tiada tentu masa	9 (5.4)	11 (3.6)	3 (6.8)	23 (4.5)

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : () = Peratus

5.4.4 Modal

Modal adalah sesuatu yang penting dalam kegiatan penjajaan. Ada dua peringkat di mana modal diperlukan oleh penjaja. Pertama ialah modal permulaan, iaitu untuk membeli peralatan menjaja. Ianya bergantung kepada kategori penjajaan dan jenis barang yang hendak dijaja yang menentukan jumlah modal permulaan yang diperlukan. Keduanya pula ialah modal harian, untuk membeli bahan-bahan bagi kegiatan menjaja harian. Jika besar tingkat operasi, maka besar jugalah modal permulaan dan modal harian yang harus dikeluarkan oleh setiap penjaja.

Sehubungan dengan ini, didapati di kalangan responden Melayu yang modal permulaan RM500.00 dan kurang dari segi peratusan ialah 18.7 peratus, responden Cina 13 peratus dan responden India 9.1 peratus. Peratusan keseluruhan responden yang dalam lingkungan modal ini berjumlah 14.5 peratus. Modal di antara RM501.00 hingga RM1,000.00, terdiri daripada 27.1 peratus di kalangan etnik Melayu, 20 peratus etnik Cina dan 11.4 peratus etnik India dengan membentuk 21.6 peratus keseluruhan responden semua etnik.

Bagi yang telah mengeluarkan modal permulaan sebanyak RM1,001.00 hingga RM2,000.00 di kalangan responden Melayu ialah 28.3 peratus, etnik Cina 23.1 peratus dan etnik India 11.4 peratus dengan keseluruhan responden semua etnik sebanyak 23.7 peratus.

Modal permulaan untuk menjaja di antara RM2,001.00 hingga RM3,000.00 ialah 8.4 peratus di kalangan responden Melayu, 22.3 peratus responden Cina dan 29.5 peratus responden etnik India, dengan membentuk keseluruhannya 18.4 peratus. Bagi responden yang modal permulaan di antara RM3,001.00 hingga RM4,000.00 pula sebanyak 7.6 peratus etnik Melayu, 11 peratus etnik Cina dan 18.2 peratus etnik India. Manakala kumpulan responden ini merangkumi 10.6 peratus daripada keseluruhannya. Modal permulaan RM4,001.00 hingga RM5,000.00 di kalangan etnik Melayu ialah 6.6 peratus, etnik Cina 7 peratus dan etnik India 15.9 peratus. Keseluruhan responden pula ialah 7.7 peratus. Responden yang mengeluarkan modal permulaan RM5,001.00 dan lebih pula dapat dikesan peratusannya 3.1 peratus etnik Melayu, 3.6 peratus etnik Cina dan 4.5 peratus etnik India dengan peratusan keseluruhan bagi kumpulan ini ialah 3.5 peratus. Jadual 5.17 ialah statistik responden yang telah mengeluarkan modal permulaan bagi menjalankan kegiatan menjaja.

Modal permulaan untuk menjaja, diperolehi melalui pelbagai sumber seperti wang simpanan, bantuan keluarga, meminjam daripada keluarga atau kawan-kawan ataupun membuat pinjaman daripada

institusi kewangan². Oleh yang demikian, hakikatnya tidaklah begitu mudah untuk individu menjalankan penjajaan, terutamanya golongan miskin dan berpendapatan rendah. Ini dapat dikesan melalui maklumat yang dikumpul daripada responden bahawa 26.4 peratus daripada responden memperolehi modal permulaan melalui pinjaman, sama ada daripada kawan-kawan, saudara-mara atau institusi kewangan. Responden Melayu dan India yang lebih ramai membuat pinjaman, untuk dijadikan modal permulaan. Jadual 5.18 ialah kedudukan responden dari segi keperluan modal permulaan dan Jadual 5.19 pula adalah mengenai sumber modal permulaan yang diperolehi di kalangan responden.

2. Credit Cuarantee Corporation Malaysia Bhd. adalah salah satu intitusi kewangan yang popular di kalangan penjaja di Kuala Lumpur untuk mendapatkan pinjaman modal.

Jadual 5.17 Modal Permulaan Menjaja Di Kalangan Responden

Modal Permulaan	Peratus (%)	Peratus (%)	Peratus (%)	Peratus (%)
RM 0.00-RM 500.00	31 (18.7)	39 (13.0)	4 (9.1)	74 (14.5)
RM 501.00-RM 1000.00	45 (27.1)	60 (20.0)	5 (11.4)	110 (21.6)
RM1001.00-RM 2000.00	47 (28.3)	69 (23.1)	5 (11.4)	121 (23.7)
RM 2001.00-RM 3000.00	14 (8.4)	67 (22.3)	13 (29.5)	94 (18.4)
RM 3001.00-RM 4000.00	13 (7.6)	33 (11.0)	8 (18.2)	54 (10.6)
RM 4001.00-RM 5000.00	11 (6.6)	21 (7.0)	7 (15.9)	39 (7.7)
RM 5001.00 dan keatas	5 (3.1)	11 (3.6)	2 (4.5)	18 (3.5)

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : () = Peratus

Jadual 5.18 Meminjam Atau Tidak, Modal Permulaan Di Kalangan Responden

Rasmi	Meminjam		Tidak		Jumlah	
	Peratus (%)	Anggaran	Peratus (%)	Anggaran	Peratus (%)	Anggaran
Melayu	69	41.6	97	58.4	166	100
Cina	48	16.0	252	84.0	300	100
India	18	40.9	26	59.1	44	100

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Jadual 5.19 Sumber Pinjaman Modal Permulaan Di Kalangan Responden

Sumber	Melayu	Cina	India	Others
Kawan-kawan	19 (28.7)	18 (37.5)	7 (33.3)	44 (32.8)
Saudara-mara	35 (53.2)	21 (43.8)	5 (23.8)	61 (45.1)
Ceti	4 (6.0)	-	9 (42.9)	13 (9.6)
Institusi Kewangan	8 (12.1)	9 (18.7)	-	17 (12.5)
Total	68 (100)	47 (100)	21 (100)	54 (100)

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : () = Peratus

Mengenai modal harian pula, didapati ianya berbagai mengikut jenis penjajaan dan tingkat operasi responden. Besar atau kecilnya modal harian yang dikeluarkan, bergantung kepada jenis barang yang dijaja dan sambutan pelanggan terhadap penjaja. Oleh yang demikian, didapati responden yang menjaja dengan modal harian RM500.00 dan ke bawah merangkumi 20.1 peratus. Di kalangan etnik ianya dikesan sejumlah 21.7 peratus responden etnik Melayu, 20.3 peratus etnik Cina dan 13.6 peratus etnik India. Kumpulan ini merupakan responden yang menjaja secara kecil-kecilan dan terdapat juga yang menjaja sebagai kerja sambilan. Misalnya penjaja yang menjual kuih-muih, nasi lemak dan goreng pisang di jalan. Sebanyak 23.5 peratus keseluruhan responden melaporkan

bahawa modal harian yang dikeluarkan di antara RM501.00 hingga RM1,000.00. Di kalangan etnik pula 24.7 peratus Melayu, 24 peratus Cina dan 15.9 peratus India. Modal harian di antara RM1,001.00 hingga RM1,500.00 membentuk 20.3 peratus keseluruhan responden. Manakala pecahan etnik didapati Melayu 20.5 peratus, Cina 21 peratus dan India 15.9 peratus.

Responden yang menjaja dengan modal harian di antara RM1,501.00 hingga RM2,000 pula, dari segi peratusan ialah 29.2 peratus keseluhannya. Di kalangan etnik Melayu 28.3 peratus ,Cina 27.5 peratus dan India 40.9 peratus. Modal di antara RM2,001.00 hingga RM2,500.00 keseluruhan responden dicatitkan dari segi peratusan ialah 5.6 peratus dengan membentuk 3.6 peratus di kalangan etnik Melayu, 5.6 peratus etnik Cina dan 13.6 peratus etnik India. Manakala responden yang menjaja dengan modal harian di antara RM2,501.00 hingga RRM3,000.00, didapati di kalangan etnik Melayu 1.2 peratus, Cina 1.6 peratus dan India tiada. Keseluruhan responden yang modal harian mereka termasuk dalam kumpulan ini membentuk 1.3 peratus. Jadual 5.20 adalah kedudukan responden dari segi modal harian yang digunakan untuk menjalankan aktiviti penjajaan.

Jadual 5.20 Modal Harian Di Kalangan Responden

Modal Harian	Peratus	Peratus	Peratus	Peratus
RM 0.00-RM 500.00	36 (21.7)	61 (20.3)	6 (13.6)	103 (20.1)
RM 501.00-RM 1000.00	41 (24.7)	72 (24.0)	7 (15.9)	120 (23.5)
RM1001.00-RM 1500.00	34 (20.5)	63 (21.0)	7 (15.9)	104 (20.3)
RM 1501.00-RM 2000.00	47 (28.3)	82 (27.5)	18 (40.9)	147 (29.2)
RM 2001.00-RM 2500.00	6 (3.6)	17 (5.6)	6 (13.6)	29 (5.6)
RM 2501.00-RM 3000.00	2 (1.2)	5 (1.6)	-	7 (1.3)

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : () = Peratus

Apa yang dapat dirumuskan mengenai maklumat modal di kalangan responden, ialah sebahagian besar responden (lebih daripada 70 peratus) menjaya dengan modal permulaan di antara RM501.00 hingga RM2,000.00. Manakala lebih daripada 10 peratus responden, menjaya dengan modal harian di antara RM2001.00 hingga RM3,000.00. Dalam pada itu, rata-rata responden memaklumkan bahawa modal harian yang mereka keluarkan tiada menentu dan ianya bergantung kepada

harga harian bahan-bahan mentah / barang yang diperolehi daripada pembekal.

Setelah beberapa lama menjaja, di kalangan responden juga didapati mereka memerlukan lagi modal untuk membesarakan penjajaan ataupun menukar atau menambah peralatan menjaja meraka. Misalnya, peralatan memasak yang telah lama perlu diganti baru, gerai yang telah buruk dan lusuh perlu dibaiki atau diganti lain. Disini, sekali lagi sejumlah wang diperlukan untuk membiayainya. Di kalangan responden, didapati 21.2 peratus membuat pinjaman untuk dijadikan modal seterusnya. Manakala 78.8 peratus responden tidak memerlukan pinjaman dan mungkin wang simpanan hasil daripada menjaja digunakan untuk tujuan ini. Lihat Jadual 5.21, iaitu statistik responden yang membuat pinjaman atau tidak meminjam setelah menjaja untuk keperluan modal tambahan. Dalam pada itu, responden yang meminjam, sumber pinjaman mereka adalah kawan-kawan, saudara-mara, ceti, syarikat kewangan dan sebagainya. Berdasarkan Jadual 5.22, terdapat 22.2 peratus responden meminjam daripada kawan-kawan, 32.4 peratus saudara-mara, 11.1 peratus meminjam daripada ceti dan 34.3 peratus meminjam daripada syarikat kewangan. Apa yang ketara di sini, ialah peratusan yang besar di kalangan responden yang meminjam, menjadikan syarikat kewangan sebagai tempat meminjam untuk menambah modal.

Jadual 5.21 Responden Yang Meminjam Dan Tidak Setelah Menjaja

Ethnic	Meminjam		Tidak		Jumlah	
	(%)	Peratus	(%)	Peratus	(%)	Peratus
Melayu	61	36.7	105	63.3	166	100
Cina	31	10.3	269	89.7	300	100
India	16	36.4	28	63.6	44	100

Sumber : Kerja Lapangan 1999

Jadual 5.22 Sumber Pinjaman Responden Setelah Menjaja

Sumber	Meminjam		Tidak		Jumlah	
	(%)	Peratus	(%)	Peratus	(%)	Peratus
Kawan-Kawan	9	(15.5)	11	(35.4)	4	(21.0)
Saudara-mara	13	(22.4)	16	(15.7)	6	(31.7)
Ceti	8	(13.7)	-	-	4	(21.0)
Institusi Kewangan	28	(48.4)	4	(12.9)	5	(26.3)
						37 (34.3)

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : () = Peratus

5.4.5 Bekalan Bahan-Bahan/ Barang Dan Pengangkutan.

Bekalan bahan-bahan adalah penting dalam kegiatan menjaja kerana ia mempengaruhi aktiviti penjajaan itu sendiri. Misalnya, ada penjaja tidak dapat menjaja pada masa tertentu, kerana tidak ada bekalan bahan-bahan atau barang. Kepentingannya juga, adalah untuk melihat bagaimana penjaja berperanan sebagai salah satu saluran pasaran ataupun aliran pemasaran barang. Mengenai bekalan bahan-bahan atau barang, didapati ianya bergantung kepada jenis barang yang dijaja. Salurannya berbagai-bagai sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.23.

Berdasarkan Jadual 5.23, didapati 19.2 peratus responden mendapat bekalan bahan-bahan / barang daripada pasar borong. Pasar borong adalah salah satu saluran pasaran yang memasarkan barang secara borong. Barang seperti ikan, buah-buahan dan sayur-sayuran boleh didapati dengan harga yang agak murah di pasar borong³. Oleh yang demikian, penjaja yang mendapat bekalan dari pasar ini, terutamanya yang menjaja makanan, sayur-sayuran dan buah-buahan.

Mereka menjaja di pasar-pasar harian, bagi yang menjaja makanan mentah dan bagi yang menjaja makanan bermasak, mereka terdiri daripada penjaja makanan bermasak di pusat-pusat menjaja dan penjaja jalanan. Terdapat 48.6 peratus di kalangan responden, mendapat bekalan barang di pasar harian biasa. Respondennya terdiri daripada pelbagai kategori penjajaan

3. Maklumat diperolehi daripada Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, DBKL, 1999.

sama ada yang menjaja makanan bermasak, makanan mentah atau bukan makanan. Manakala 17.7 peratus responden lagi, mendapat bekalan barang daripada kilang. Rata-rata responden kategori ini terdiri daripada mereka yang menjaja bukan makanan seperti kain, pakaian, pinggan mangkuk, barang-barang perhiasan dan sebagainya. Selain daripada itu, 14.5 peratus responden lagi mendapat bekalan barang melalui perkhidmatan individu yang bertindak sebagai pemborong dan mengagih-agihkan barang berkenaan kepada penjaja mengikut keperluan / tempahan.

Bagi menyenangkan urusan mendapatkan bahan-bahan atau barang, terutamanya apabila perlu hadir sendiri ke pasar borong atau pasar biasa, maka kenderaan adalah diperlukan untuk urusan pengangkutan. Sementara itu bagi penjaja bergerak, pasar malam dan sesetengah penjaja jalanan, kenderaan adalah penting untuk urusan pengangkutan barang dan peralatan menjaja. Oleh itu, di kalangan responden, didapati 19.8 peratus mempunyai motosikal, 52.9 peratus memiliki kereta, 15.7 peratus memiliki van, 3.1 peratus memiliki lori kecil dan 8.5 peratus tiada kenderaan.(Lihat jadual 5.13). Bagi yang tiada kenderaan, kebiasaannya mereka menggunakan kenderaan awam, seperti teksi atau mengupah individu tertentu atau pertolongan ahli keluarga. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.13, didapati sejumlah besar (91.5 peratus) di kalangan responden mempunyai kenderaan. Hampir 70 peratus daripada mereka mempunyai kereta atau van. Ini mengambarkan bahawa kenderaan adalah penting untuk aktiviti penjajaan. Sehubungan dengan ini, rata-rata

responden memaklumkan bahawa jika tidak memiliki kenderaan sendiri, tidak sempurna untuk menjaya di Kuala Lumpur.

Jadual 5.23 Tempat Memperolehi Bekalan Bahan-Bahan/ Barang

Tempat	Persentasi	Persentasi	Persentasi	Persentasi
Pasar Borong	39 (23.5)	47 (15.6)	12 (27.3)	98 (19.2)
Pasar Harian	59 (35.5)	174 (58.1)	15 (34.1)	248 (48.6)
Kilang/ Pengeluaran	39 (23.5)	48 (16.0)	3 (6.8)	90 (17.7)
Pemborong/ Individu Yang Hantar	29 (17.5)	31 (10.3)	14 (31.8)	74 (14.5)

Tempat	Persentasi	Persentasi	Persentasi	Persentasi
Pasar Borong	39 (23.5)	47 (15.6)	12 (27.3)	98 (19.2)
Pasar Harian	59 (35.5)	174 (58.1)	15 (34.1)	248 (48.6)
Kilang/ Pengeluaran	39 (23.5)	48 (16.0)	3 (6.8)	90 (17.7)
Pemborong/ Individu Yang Hantar	29 (17.5)	31 (10.3)	14 (31.8)	74 (14.5)

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : () = Peratus

5.4.6 Pembantu Gerai

Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengawal perlantikan pembantu gerai atau nominie. Jika atas sebab-sebab tertentu, pembantu gerai dibenarkan dilantik oleh penjaja, tetapi ianya hendaklah mendapat persetujuan daripada pihak DBKL terlebih dahulu. DBKL mengenakan berbagai syarat dalam melantik pembantu gerai, misalnya warga negara,

mematuhi syarat-syarat lesen menjaja dan sebagainya. Tujuan kawalan dibuat adalah untuk mengelak daripada gerai dilepas hak milik dan juga kawalan kebersihan ⁴. Di kalangan responden, didapati 53.7 peratus mempunyai pembantu gerai, manakala 46.3 peratus lagi tidak mempunyai pembantu gerai. Perlu atau tidak pembantu gerai, adalah bergantung kepada tingkat operasi individu yang menjaja. Begitu juga mengenai bilangan pembantu. Penjaja yang menjaja makanan bermasak untuk tempoh 2 atau 3 jam, seperti menjual kuih-muih, nasi lemak, goreng pisang dan sebagainya, jarang melantik pembantu gerai secara tetap. Suami / Isteri atau anak-anak biasanya menolong penjajaan mereka. Manakala penjaja yang menjual makanan yang dimasak di gerai, rata-rata melantik pembantu gerai tetap untuk menyediakan masakan atau melayan pelanggan.

Kajian ini menemui 22.4 peratus responden mempunyai seorang pembantu gerai, 17.8 peratus mempunyai dua orang pembantu gerai dan 13.5 peratus mempunyai tiga orang pembantu gerai. Juga dapat dikesan penjaja yang menjual makanan bermasak yang memasak di gerai, ramai yang mempunyai pembantu gerai. Walau bagaimanapun, bilangannya bergantung kepada tingkat operasi, sama ada secara kecil atau besar-besaran. Lihat Jadual 5.24, iaitu di kalangan responden yang melantik pembantu gerai atau tidak dan bilangan pembantu gerai.

4. Maklumat diperoleh daripada Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, DBKL, 1999.

Jadual 5.24 Bilangan Pembantu Gerai Di Kalangan Responden

	Pembantu Tiada	Pembantu 1	Pembantu 2	Pembantu 3	Total
Tiada	45 (27.1)	172 (57.5)	19 (43.2)	236 (46.3)	
1	53 (31.9)	49 (16.3)	12 (27.3)	114 (22.4)	
2	39 (23.5)	41 (13.6)	11 (25.0)	91 (17.8)	
3	29 (17.5)	38 (12.6)	2 (4.5)	69 (13.5)	

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : () = Peratus

Bagi responden yang melantik pembantu gerai, mereka akan cuba melantik pembantu di kalangan saudara-mara. Ini bagi menyenangkan segala urusan seperti tempat tinggal, bayaran, pengangkutan dan sebagainya. Jika tiada keluarga, maka orang luar dilantik. Di kalangan responden, didapati 19.3 peratus pembantu gerai terdiri daripada anak-anak, 17 peratus orang luar (rakyat tempatan) dan 10.5 peratus warga asing. Apa yang jelas di kalangan responden ialah mengenai kecenderungan melantik warga asing sebagai pembantu gerai. Sedangkan warga asing ditegah sama sekali terlibat dengan aktiviti penjajaan di negara ini. Ini kerana warga asing tidak mengenakan bayaran yang tinggi dan mereka juga rajin bekerja. Rakyat Indonesia,

Bangladesh, India dan lain-lain, didapati ramai bekerja sebagai pembantu gerai. Pelantikan mereka ini tidak sah dan sering diambil tindakan oleh pihak DBKL. Lihat Jadual 5.25 mengenai hubungan di antara responden dan pembantu gerai.

Mengenai bayaran yang diberi kepada pembantu gerai pula, didapati ianya berbagai-bagai. Bergantung kepada taraf atau kemahiran pembantu gerai berkenaan. Bagi isteri/suami atau anak-anak sebagai pembantu gerai, didapati tiada bayaran secara tetap. Ini kerana perkhidmatan yang diberi merupakan pertolongan keluarga. Manakala pembantu gerai yang dilantik secara tetap yang terdiri daripada orang luar atau warga asing, bayaran diberikan terhadap perkhidmatan mereka. Kaedah bayaran ialah bayaran harian dan bulanan. Di kalangan responden, didapati 64.9 peratus bayaran dibuat secara harian, 18.5 peratus responden membayar secara bulanan dan 16.6 peratus tiada bayaran rasmi/ tetap kepada pembantu (Lihat jadual 5.26). Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.26, sejumlah besar responden membuat bayaran harian kepada pembantunya. Manakala kadar bayaran pula berbagai, mengikut kemahiran dan lama atau baru pembantu gerai itu berkhidmat. Sebagaimana Jadual 5.27, kadar bayaran harian yang dapat dikesan di kalangan responden ialah 12.2 peratus sebanyak RM20.00 dan kurang sehari. Sejumlah 59 peratus responden membayar kepada pembantunya dalam kadar RM21.00 hingga RM30.00 sehari, 17.7 peratus membayar di antara RM31.00 hingga RM40.00 sehari, 5.5 peratus di

antara RM41.00 hingga RM50.00 sehari dan didapati 5.5 peratus bayaran RM51.00 dan lebih sehari.

Jadual 5.25 Hubungan Di Antara Responden Dan Pembantu Gerai

	1. Isteri/Suami	2. Anak-Anak	3. Saudara-mara	4. Orang Luar (Rakyat Tempatan)	5. Warga Asing
Isteri/Suami	49 (42.6)	53 (41.4)	11 (26.1)	113 (41.2)	
Anak-Anak	21 (18.2)	27 (21.3)	5 (16.1)	53 (19.3)	
Saudara-mara	17 (15.0)	11 (8.5)	5 (16.1)	33 (12.0)	
Orang Luar (Rakyat Tempatan)	21 (18.2)	18 (14.0)	7 (22.5)	46 (17.0)	
Warga Asing	7 (6.0)	19 (14.8)	3 (9.6)	29 (10.5)	

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : () = Peratus

Jadual 5.26 Kaedah Bayaran Kepada Pembantu Gerai

	Peratus	Peratus	Peratus	Peratus
Bayaran Harian	31 (69.0)	30 (62.6)	9 (60.1)	70 (64.9)
Bayaran Bulanan	7 (15.5)	9 (16.7)	4 (26.6)	20 (18.5)
Tiada Bayaran	7 (15.5)	9 (18.7)	2 (13.3)	18 (16.6)

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : () = Peratus

Jadual 5.27 Kadar Bayaran Kepada Pembantu Gerai

	Peratus	Peratus	Peratus	Peratus
RM 0.00-RM 20.00	5 (13.1)	4 (10.2)	2 (15.3)	11 (12.2)
RM 21.00-RM 30.00	22 (58.1)	23 (59.2)	8 (61.7)	53 (59.0)
RM 31.00-RM 40.00	6 (15.8)	7 (17.9)	3 (23.0)	16 (17.7)
RM 41.00-RM 50.00	3 (7.8)	2 (5.1)	-	5 (5.5)
RM 51.00 dan lebih	2 (5.2)	3 (7.6)	-	5 (5.5)

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : () = Peratus

5.4.7 Kursus Kepenjajaan Dan Suntikan Pencegahan Penyakit

Di Kuala Lumpur, penjaja-penjaja yang menjaja makanan bermasak diwajibkan menghadiri kursus kepenjajaan yang dianjurkan oleh Jabatan Kesihatan, DBKL. Manakala penjaja yang menjaja barang selain daripada makanan bermasak tidak diwajibkan. Kursus ini diberi kepada penjaja apabila lesen menjaja diluluskan kepada mereka⁵. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada penjaja betapa mustahaknya menjaga kebersihan diri dan kebersihan persekitaran tempat menjaja. Dalam pada itu, para penjaja juga diberi motivasi untuk menjaja dengan berhemah tinggi serta menerapkan tanggungjawab sosial mereka kepada masyarakat lain. Melalui langkah ini, pihak DBKL berharap satu masa, para penjaja di Kuala Lumpur lebih mengutamakan tanggungjawab sosial daripada mengejar keuntungan berlebihan.

Sehubungan dengan ini, didapati 69.1 peratus keseluruhan responden telah mengikuti kursus yang telah ditetapkan oleh DBKL. Manakala 30.9 peratus masih belum mengikutinya lagi. Jadual 5.28 adalah kedudukan responden yang telah dan belum mengikuti kursus kepenjajaan, sebagaimana yang ditetapkan oleh DBKL. Bukan sahaja di kalangan penjaja yang diwajibkan menghadiri kursus ini, bahkan juga pembantu gerai. Selain daripada mengikuti kursus, penjaja makanan

5. Maklumat diperolehi daripada Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, DBKL, 1999

bermasak juga dikehendaki mengambil suntikan pencegahan penyakit. Suntikan pencegahan penyakit, terutamanya “taun” boleh didapati daripada Jabatan Kesihatan DBKL. Pengambilan suntikan ini adalah wajib kepada penjaja dan pembantu-pembantunya. Tindakan penguatkuasaan akan dikenakan, jika didapati penjaja makanan bermasak tidak mematuhi peraturan ini. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.29, didapati 69.1 peratus responden telah mengambil suntikan pencegahan penyakit, manakala 30.9 peratus tidak mengambilnya. Bagi yang tidak mengambil, rata-rata responden maklum akan peraturan ini, tetapi mereka masih belum mengambil kerana baru menukar pindah milik gerai dan ada juga yang baru menukar jenis barang yang dijaja daripada bukan makanan bermasak kepada makanan bermasak. Terdapat juga di kalangan responden yang sengaja tidak mahu mematuhi atau melengah-lengah mengambilnya.

Di kalangan pembantu gerai, didapati 80.7 peratus responden yang mempunyai pembantu gerai mengambil suntikan pencegahan penyakit dan 19.3 peratus tidak mengambil suntikan berkenaan. Rata-rata pembantu gerai yang mengambil suntikan, terdiri daripada isteri/ suami sebagai pembantu. Manakala pembantu gerai yang tidak mengambil suntikan berkenaan, adalah sejumlah besar terdiri daripada responden yang melantik pembantu gerai tanpa kelulusan pihak DBKL seperti warga asing. Kedudukannya sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 5.30.

Jadual 5.28 Mengikuti Kursus Kepenjajaan Di Kalangan Responden

Ethnic	Total	Malay		Indigenous		Non-Malay	
		Male	Female	Male	Female	Male	Female
Melayu	13	67.4	15	32.6	46	100	
Cina	41	66.2	21	33.8	62	100	
India	24	77.5	7	22.5	31	100	

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Jadual 5.29 Mengambil Atau Tidak, Suntikan Pencegahan Penyakit Di Kalangan Responden

Ethnic	Total	Malay		Indigenous		Non-Malay	
		Male	Female	Male	Female	Male	Female
Melayu	31	67.4	15	32.6	46	100	
Cina	41	66.2	21	33.8	62	100	
India	24	77.5	7	22.5	31	100	

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Jadual 5.30 Mengambil Suntikan Pencegahan Penyakit Atau Tidak Di kalangan Pembantu Gerai

Rasmi	Jumlah	Peratusan	Percubaan		Jumlah	
			Percubaan	Tidak	Percubaan	Tidak
Melayu	17	14.7	98	85.3	115	100
Cina	27	21.0	101	79.0	128	100
India	9	29.0	22	71.0	31	100

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

5.4.8 Tindakan Penguatkuasaan

Bahagian Aduan dan Penguatkuasaan di Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, DBKL adalah salah satu bahagian yang dipertanggungjawabkan untuk memantau aktiviti penjajaan di Kuala Lumpur. Selain daripada itu, bahagian ini juga dibantu oleh Direktorat Penguatkuasaan dan Jabatan Kesihatan, DBKL, bagi memantapkan lagi sesuatu tindakan atau kawalan ke atas aktiviti harian penjaja. Mana-mana penjaja yang menyalahi peraturan atau tidak mengikuti arahan-arahan semasa yang dikeluarkan, akan diambil tindakan, seperti mengeluarkan notis kesalahan, kompaun, menyita dan diambil tindakan mahkamah. Sesungguhnya, pihak DBKL memberi penekanan yang lebih terhadap penguatkuasaan, kerana banyak aduan-aduan awam yang diterima mengenai aktiviti penjajaan menimbulkan gangguan awam.

Sehubungan dengan ini, di kalangan responden, didapati sejumlah besar daripada mereka (79.8 peratus) pernah dikenakan tindakan penguatkuasaan. Hanya 20.2 peratus sahaja tidak pernah dikenakan tindakan penguatkuasaan. Begitu juga jika dilihat mengikut teknik, didapati peratus yang tinggi di kalangan semua etnik (lebih daripada 70 peratus) pernah diambil tindakan, seperti dikompaun ataupun disita. Jadual 5.31 ialah statistik responden yang pernah atau tidak dikenakan tindakan penguatkuasaan. Berdasarkan maklumat ini, dapatlah disimpulkan bahawa rata-rata penjaja di Kuala Lumpur masih tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan, terutamanya mengenai kebersihan awam. Hujah ini diperkuatkuaskan dengan jenis-jenis kesalahan yang telah dilakukan oleh responden yang menyebabkan mereka diambil tindakan penguatkuasaan, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.32.

Berdasarkan Jadual 5.32, didapati 21 peratus di kalangan responden salah kerana melantik pembantu gerai tanpa kebenaran DBKL. Kesalahan tidak memakai "apron" dan tutup kepala ketika menjaya makanan bermasak ialah 23.7 peratus. Kesalahan tidak mengambil suntikan pelalian bagi pencegahan penyakit 12.2 peratus, membina struktur gerai tanpa kebenaran DBKL 17.6 peratus dan kesalahan yang melibatkan kebersihan iaitu gerai kotor 25.5 peratus. Dalam berbagai-bagi kesalahan seperti mana yang dilakukan oleh responden, kesalahan mengenai kekotoran gerai adalah tinggi peratusnya (35.5 peratus) dan

ini memberi gambaran kepada kita bahawa tahap kebersihan di kalangan penjaja masih lagi rendah dan pihak berkuasa hendaklah berbuat sesuatu untuk meningkatkan imej penjaja-penjaja di Kuala Lumpur.

Jadual 5.31 Dikenakan Tindakan Penguatkuasaan Ataupun Tidak Di Kalangan Responden

Rasmi	Tidak		Dikenakan		Dikenakan	
	Tidak	Dikenakan	Tidak	Dikenakan	Tidak	Dikenakan
Melayu	115	69.3	51	30.7	166	100
Cina	259	86.4	41	13.6	300	100
India	33	74.9	11	25.1	44	100

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Jadual 5.32 Jenis Kesalahan Yang Pernah Dilakukan Oleh Responden

	Kesalahan	Peratus	Peratus	Peratus	Peratus
Melantik pembantu gerai tanpa kebenaran DBKL	12 (10.7)	65 (25.4)	9 (24.3)	86 (21.0)	
Tidak memakai apron dan tutup kepala	31 (27.6)	59 (22.7)	7 (18.9)	97 (23.7)	
Tidak mengambil suntikan pencegahan penyakit	9 (8.0)	37 (14.2)	4 (10.8)	50 (12.2)	
Membina struktur tanpa kebenaran DBKL	19 (18.1)	47 (18.1)	6 (16.2)	72 (17.6)	
Kekotoran	41 (36.8)	51 (19.6)	11 (29.8)	103 (25.5)	

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : () = Peratus

5.4.9. Keahlian Persatuan Penjaja

Persatuan penjaja dibentuk bertujuan untuk menjaga kebijakan di kalangan penjaja. Persatuan juga merupakan saluran di kalangan penjaja untuk berurusan dengan pihak DBKL dan juga sebaliknya. Setiap kelompok penjaja akan membentuk persatuan sendiri yang lebih bercorak perkauman dan setempat. Misalnya, persatuan penjaja Pasar Malam Jalan Jujur, Bandar Tun Razak, Persatuan Penjaja Pusat Penjaja Jalan Duta, Persatuan Penjaja Jalan Chow Kit dan sebagainya. Setiap persatuan penjaja seperti yang dinyatakan, keahliannya hanya di

kalangan penjaja di lokasi berkenaan sahaja. Dalam pada itu, keahliannya juga didapati tidak diwajibkan kepada semua penjaja di kawasan berkenaan. Fungsi dan peranan persatuan juga kurang jelas dan dalam banyak hal, ianya nampak tidak berperanan dan tidak menunjukkan komitmen yang kuat dalam menyelesaikan apa-apa permasalahan yang dihadapi oleh penjaja.

Di kalangan responden, didapati 21.3 peratus tidak menjadi ahli mana-mana persatuan penjaja. Manakala 78.7 peratus responden, didapati menjadi ahli persatuan penjaja setempat. Responden yang tidak menjadi ahli persatuan, rata-rata terdiri daripada penjaja yang menjaya secara sampingan atau dalam kategori penjaja yang menjaya secara bergerak dan kumpulan penjaja yang kecil bilangannya. Jadual 5.33 adalah menunjukkan keahlian persatuan di kalangan responden. Apabila menghadapi permasalahan, ada di kalangan responden berurusan sendiri dengan kakitangan atau pegawai DBKL. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.34, didapati 29.2 peratus responden merujuk permasalahan mereka kepada pihak persatuan, 42.8 peratus berurusan sendiri dengan pihak DBKL dan 28 peratus meminta pertolongan daripada tokoh-tokoh politik. Maklumat ini juga memberi gambaran kepada kita bahawa peranan persatuan penjaja tidak menyerlah dalam menjaga kebijakan para penjaja.

Jadual 5.33 Statistik Keahlian Persatuan Penjaja Di Kalangan Responden

KEAHLIAN	JUMLAH	PERSEN	JUMLAH		JUMLAH	
			RESPONDEN	PERSATUAN PENJAJA	RESPONDEN	PERSATUAN PENJAJA
Melayu	134	80.7	32	19.3	166	100
Cina	241	80.4	59	19.6	300	100
India	26	59.1	18	40.9	44	100

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Jadual 5.34 Statistik Orang Yang Dirujuk Oleh Responden Bagi Menyelesaikan Permasalahan Yang Dihadapi

KEAHLIAN	JUMLAH	PERSEN	JUMLAH		JUMLAH	
			RESPONDEN	PERSATUAN PENJAJA	RESPONDEN	PERSATUAN PENJAJA
Persatuan Penjaja	54	79 (32.5)	16	149 (26.3)	16	149 (34.6)
Pegawai DBKL	73	123 (43.9)	22	218 (41.1)	22	218 (50.0)
Tokoh Politik	39	98 (23.6)	6	143 (32.6)	6	143 (13.6)

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : () = Peratus

5.5. Penampilan Diri, Sikap Dan Amalan Kebersihan Di kalangan Penjaja

Penampilan diri yang ceria, bersopan santun, budi bahasa, bersikap positif dan mengamalkan kebersihan, sama ada kebersihan diri, gerai serta persekitaran tempat penjaja adalah penting. Ini kerana ianya menjadi daya tarikan kepada pelanggan untuk berkunjung ke gerai penjaja dan melanggan barang yang dijaja. Telah diperkatakan umum bahawa sesetengah penjaja di Kuala Lumpur ini bersikap negetif dan tidak menjaga kebersihan, serta aktiviti penjajaan mereka menimbulkan gangguan awam dan salah satu penyebab kepada kekotoran bandar. Perkara ini sering didedahkan oleh mesia cetak (Lihat Lampiran 14, 15 dan 16). Daripada pemerhatian dan pemeriksaan pengkaji, didapati perkara ini ada kebenarannya. Sesetengah penjaja, menunjukkan penampilan diri yang kurang elok dan tidak sesuai sebagai seorang penjaja yang terdedah kepada orang awam dan kadang-kala pelancong asing. Rata-rata penjaja mengambil jalan mudah dan terlampau mengejar keuntungan.

Mengenai penampilan diri penjaja yang tidak elok dan kurang sesuai, dapat dilihat pada kemasan diri mereka seperti, yang mana sesetengahnya berambut panjang, berpenyakit kulit dan berpakaian tidak senonoh. Penampilan diri seperti ini, memberi gambaran bahawa imej negatif di kalangan para penjaja, terutamanya kepada pelancong asing. Mengenai sikap negatif dan bertindak mengikut jalan mudah, dapat dilihat

pada tindak tanduk yang dilakukan oleh sesetengah responden. Misalnya mereka membuang sisa makanan ke dalam longkang atau sungai yang berhampiran. Didapati juga di kalangan responden yang tidak menyediakan tong sampah yang sesuai di gerai mereka. Sementara itu keadaan gerai pula sangat kotor dan tidak diurus dengan sempurna. Di kalangan penjaja makanan bermasak, didapati membekalkan tisu tandas untuk pelanggan mengelap mulut dan tangan selepas makan. Manakala yang menjual secara bungkus pula, menggunakan daun pisang yang tidak dibersihkan betul-betul, sebagai pengalas makanan. Hanya sekadar mengelapkannya dengan sehelai kain yang tidak ditukar ganti. Sesetengah responden pula didapati mempamer makanan yang siap dimasak, tanpa ditutup dengan sempurna, menyebabkan ianya menjadi tempat hinggapan lalat. Meletak barang yang dijaja ditempat yang tidak sesuai atau tempat yang kotor, bahan-bahan yang hendak dimasak tidak dicuci dengan bersih dan sebagainya.

Satu contoh yang menarik mengenai sikap yang negatif, tidak ada tanggungjawab sosial di kalangan penjaja dan tidak mengutamakan kebersihan dalam kegiatan menjaja, ialah di mana terdapat kes penjaja menggunakan air yang tidak bersih atau diragui akan kebersihannya, untuk tujuan membasuh dan memasak di gerai. Oleh kerana kedai mereka tiada bekalan air paip, maka air terpaksa dipunggah ditempat lain, dengan menggunakan tong, iaitu bekas untuk mengisi dan menyimpan air. Kerja punggah memunggah air ini agak rumit, kerana melibatkan tenaga dan

pengangkutan. Sebagai jalan mudah, mereka berpaktat dengan pekerja DBKL yang berkerja menyiram pokok dan bunga di tepi jalan, dengan menggunakan lori tangki. Bagi tujuan menyiram pokok dan bunga di tepi jalan , kebiasaannya pekerja DBKL menyedut air di tasik-tasik atau kolam. Air ini diragui kebersihannya. Apa yang berlaku, pekerja DBKL ini menjual air berkenaan kepada penjaja-penjaja jalanan yang memerlukannya dalam kadar RM1.00 satu tong⁶. Contoh lain bagi menggambarkan penjaja bersikap negatif dan mementingkan diri ialah di mana pengkaji mendapat aduan perkelahian di kalangan penjaja. Ianya berpunca daripada sikap tamak dan irihati . Seorang penjaja makanan bermasak mengadu bahawa mereka mahu berpindah ke lokasi lain, kerana sudah tidak dapat bertahan lagi dengan sikap seorang penjaja lain yang tidak senang melihat penjajaan beliau maju. Ramai pelanggan yang datang melanggan jualanya. Apa yang hendak dijelaskan di sini, ialah kemuncak perkelahian dua orang penjaja ini membawa kepada penggunaan "ilmu hitam" dan "bomoh". Dalam masyarakat Melayu, peranan bomoh untuk melaris perniagaan dan mematikan perniagaan

6. Aduan diterima oleh pengkaji mengenai kegiatan ini supaya diambil tindakan terhadap perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini. Pengkaji adalah pegawai DBKL yang bertanggungjawab menguruskan hal-ehwal penjaja di Kuala Lumpur

orang lain masih kuat dipercayai dan diamalkan 7. Berbalik kepada kes penjaja yang berkelahi tadi, beliau mendakwa bahawa penjajaanya merosot dan pelangan berkurangan , akibat gerai beliau telah dikhianati oleh jiranya yang dengki melalui "bomoh" 8. Oleh itu, beliau memohon untuk berpindah ketempat lain yang agak jauh dari jiranya. Apa yang jelas di sini, ialah sikap yang kurang baik di kalangan sesetengah penjaja dan mereka sanggup melakukan apa sahaja demi untuk mengaut keuntungan sebanyak mungkin.

Sikap yang tidak baik di kalangan penjaja juga dapat dilihat pada penentangan yang ditimbulkan oleh penjaja terhadap arahan-arahan semasa yang di keluarkan oleh DBKL. Mereka sanggup bertindak agresif seperti mogok dan menghalang tugas kakitangan DBKL. Lebih-lebih lagi apabila melibatkan perpindahan tapak menjaja mereka ke lokasi lain. Mereka akan bersatu dan dalam hal ini, kebiasannya pihak persatuan

7. Rata-rata responden apabila ditanya sama ada mempercayai atau tidak permasalahan ini. Mereka memaklumkan bahawa penggunaan "bomoh" dalam penjajaan masih ada yang mengamalkannya

8. Pengkaji menemubual seorang bomoh yang dikenali sebagai Pak Su Man (bukan nama sebenar dan berasal dari Kelantan) bagi mendapat penjelasan lanjut mengenai "pembomohan" dalam kegiatan menjaja atau perniagaan. Beliau memaklumkan bahawa ramai juga peniaga-peniaga meminta khidmat beliau untuk mlariskan perniagaan dan ada juga yang datang untuk tujuan tidak baik seperti untuk memusnahkan perniagaan orang lain. Mengikut Pak Su Man, bermacam-macam kaedah digunakan oleh bomoh seperti jampi serampah, tangkal dan pantang larang yang perlu diamalkan oleh individu yang berhajat.

penjaja akan campur tangan mempertahankannya (lihat Lampiran 21).

Mengenai sikap dan amalan negatif di kalangan penjaja juga sering didedahkan oleh pihak media sebagaimana Lampiran 14, 15, 16, 17 dan

18. Sikap penjaja yang sedemikian, menyukarkan pihak DBKL, terutamanya dari segi merancang dan menempatkan semula mereka ke penempatan yang lebih teratur dan selesa. Penjaja-penjaja statik di jalanan, lebih ketara menunjukkan sikap penentangan atau sesuatu perubahan yang hendak dilaksanakan oleh pihak DBKL.

Sementara itu, pemeriksaan dan penilaian yang dibuat oleh pengkaji terhadap diri responden, gerai dan persekitaran kegiatan menjaja di kalangan mereka, mendapati keseluruhan tahap kebersihan dan penampilan diri masih jauh daripada memuaskan, terutamanya di kalangan responden yang menjaja makanan bermasak dalam kaedah memasak di gerai. Mengenai kebersihan diri responden, didapati hanya 3.1 peratus sahaja berada di tahap sangat memuaskan. Responden yang diberi tahap pengukuran seperti ini, setelah dinilai dari segi penampilan diri mereka, serta pembantu-pembantunya. Sejumlah 14.3 peratus responden lagi dikategorikan sebagai memuaskan, 25.2 peratus sederhana dan 57.4 peratus berada di tahap tidak memuaskan. Sebahagian besar responden tidak menjaga kebersihan diri mereka, seperti tidak memakai "apron" tidak menutup kepala, berpakaian tidak bersih ketika menjaja (lihat Gambarajah 4.4 iaitu contoh penampilan diri yang baik sebagai seorang penjaja). Terdapat juga di kalangan responden

menghisap rokok ketika menyediakan makanan atau ketika membungkus makanan kepada pelanggan. Pengukuran yang dibuat oleh pengkaji, dapat dilihat dari segi statistik di kalangan responden seperti mana Jadual 5.35.

Jadual 5.35 Kebersihan Diri Responden

	Very Clean	Clean	Unclean	Dirtiest
Sangat Memuaskan	5 (3.0)	11 (3.6)	-	16 (3.1)
Memuaskan	25 (15.1)	41 (13.6)	7 (15.9)	73 (14.3)
Sederhana	49 (29.5)	67 (22.3)	13 (29.5)	129 (25.2)
Tidak Memuaskan	87 (52.4)	181 (60.5)	24 (54.6)	292 (57.4)

	Very Clean	Clean	Unclean	Dirtiest
Sangat Memuaskan	5 (3.0)	11 (3.6)	-	16 (3.1)
Memuaskan	25 (15.1)	41 (13.6)	7 (15.9)	73 (14.3)
Sederhana	49 (29.5)	67 (22.3)	13 (29.5)	129 (25.2)
Tidak Memuaskan	87 (52.4)	181 (60.5)	24 (54.6)	292 (57.4)

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : ()= Peratus

Mengenai keadaan gerai dan persekitarannya, di kalangan responden yang menjaja makanan bermasak, diberi pengukuran seperti sangat bersih, bersih, kotor dan sangat kotor, bagi menilai tahap kebersihannya. Beberapa perkara telah dinialai dalam kajian ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.36. Pada keseluruhannya,

sejumlah besar responden menunjukkan situasi yang kotor dan tindakan tegas oleh pihak berkuasa hendaklah diambil segera, agar ianya tidak berlarutan dan tidak memudaratkan orang awam, dari segi keracunan makanan, keselesaan dan sebagainya.

Keadaan kotor ini, dapat dilihat pada tempat memasak dan bahagian dapur gerai. Lalat dan lipas berkeliaran memakan sisa-sisa makanan. Terdapat 3.5 peratus responden yang sangat bersih, 6.4 peratus bersih, 58.5 peratus kotor dan 31.6 peratus sangat kotor. Struktur gerai pula, hanya 1.4 peratus sangat bersih, 37.6 peratus bersih, 26.6 peratus kotor, 29.4 peratus sangat kotor. Keadaan gerai, kelihatan lusuh dan hodoh, manakala didapati minyak melekat di bahagian bumbung gerai dan lama kelamaan minyak ini akan menitis dan masuk ke dalam bekas masakan. Kekotorannya berpunca daripada aktiviti memasak dan tidak ada usaha oleh penjaja untuk membersihkannya.

Mengenai tempat makan pelanggan (kerusi/meja) bagi penjaja yang menyediakan tempat makan, didapati 17.9 peratus sangat bersih, 43.4 peratus bersih dan 28.0 peratus kotor. Keadaan lantai pula 5.11 peratus bersih dan 48.9 peratus berkeadaan kotor. Begitu juga dengan longkang yang berdekatan dengan gerai, 35.2 peratus kotor dan 64.8 peratus sangat kotor. Peralatan-peralatan lain seperti periuk, bekas air, dapur memasak dan sebagainya, hanya didapati 59 peratus sahaja yang bersih. Bahagian belakang gerai didapati 8.6 peratus sahaja yang bersih dan 37.4 peratus kotor. Apabila penilaian keseluruhan dibuat mengenai

kebersihan gerai dan persekitarannya, diadapati 25.8 peratus bersih, 34.5 peratus kotor dan 39.7 peratus lagi tidak dapat dipastikan.

Jadual 5.36 Tahap Kebersihan Gerai Dan Persekutaran

	Peratus	Bersih	Kotor	Lagi	Tidak Dapat Dipastikan	Total
Tempat Memasak dan Bahagian Dapur	5 (3.5)	9 (6.4)	81 (58.3)	44 (31.6)	-	139 (100)
Struktur Gerai	2 (1.4)	52 (37.6)	37 (26.6)	41 (29.4)	7 (5.0)	139 (100)
Tempat Makanan (Kerusi/Meja)	25 (17.9)	60 (43.4)	39 (28.0)	-	15 (10.7)	139 (100)
Lantai	-	71 (51.1)	68 (48.9)	-	-	139 (100)
Longkang Berdekatan	-	-	49 (35.2)	90 (64.8)	-	139 (100)
Peralatan	-	82 (59.0)	-	-	57 (41.0)	139 (100)
Belakang Gerai	-	12 (8.6)	52 (37.4)	-	75 (54.0)	139 (100)
Keseluruhan Gerai	-	36 (25.8)	48 (34.5)	-	55 (39.7)	139 (100)

Sumber : Kerja Lapangan, 1999

Nota : () = Peratus

Rumusan

Penjaja di Kuala Lumpur, terdiri daripada berbagai-bagai latar belakang, sebelum melibatkan diri dengan kegiatan menjaja. Mereka juga didapati terdiri daripada berbagai-bagai taraf sosioekonomi. Menjalankan kegiatan menjaja untuk mencari pendapatan, bagi menanggung penghidupan keluarga di Kuala Lumpur. Sebahagian besar daripada mereka merupakan golongan yang berhijrah dari desa ke bandar raya Kuala Lumpur, sebagai menyahut seruan kerajaan di bawah rancangan DEB. Ramai yang datang ke Kuala Lumpur sekitar tahun-tahun 1970-an dan 1980-an. Mereka juga terdiri daripada migran yang taraf pelajaran dan kemahiran yang rendah dan tidak dapat diserap dalam pekerjaan di sektor formal. Rata-rata di kalangan penjaja mendapat pendidikan formal hanya setakat sekolah rendah. Oleh itu, tidak keterlaluan kalau dikatakan penjaja adalah terdiri daripada mereka yang tercicir dalam pelajaran. Ramai juga yang menjaja bukanlah pekerjaan pertama bagi mereka. Sebelum menjaja, berbagai-bagai pekerjaan lain telah dilakukan. Manakala menjaja merupakan harapan terakhir bagi mereka untuk mencari nafkah dan mengubah taraf sosioekonomi keluarga daripada arus kemiskinan.

Sebahagian besar daripada masyarakat penjaja di Kuala Lumpur, menjadikan kegiatan menjaja sebagai pekerjaan utama mereka dan sebahagian lagi menjaja merupakan kerja sampingan, terutamanya di kalangan pekerja-pekerja sektor formal di peringkat rendah untuk mencari pendapatan tambahan. Ini kerana kegiatan menjaja boleh dilakukan oleh isteri, bagi isteri yang tidak bekerja atau boleh dilakukan di luar waktu kerja tetap seperti sebelah petang,

malam atau hari-hari kelepasan am. Selain daripada itu, rata-rata penjaja yang boleh ditemui di Kuala Lumpur ini, terdiri daripada golongan muda yang umur mereka dalam lingkungan 40-an. Sesuai dengan tenaga muda mereka, kegiatan menjaja dieksplotasi bersungguh-sungguh, agar dapat mengaut keuntungan sebanyak yang boleh. Oleh itu, sebahagian besar penjaja di Kuala Lumpur memperolehi pendapatan lumayan dan dapat menafikan kenyataan umum bahawa penjaja adalah golongan miskin bandar yang kehidupan mereka serba kekurangan. Dalam mengejar keuntungan melalui kegiatan menjaja, berserta dengan taraf pendidikan yang rendah, maka rata-rata penjaja bersikap negatif dan tidak mengutamakan kebersihan serta keindahan bandar. Walau bagaimanapun, penjaja adalah merupakan individu yang bekerja sendiri. Kegiatannya merupakan asas kerjaya diri untuk terus meneroka ekonomi bandar dalam lapangan perniagaan dan perdagangan. Kelompok-kelompok penjaja yang bertaburan, adalah di antara sub-komuniti bandar yang turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi bandar raya Kuala Lumpur.

Secara umum, kajian ini memaparkan kegiatan menjaja di Kuala Lumpur adalah penting dalam meningkatkan taraf sosioekonomi golongan berpendapatan rendah dan miskin. Kegiatan menjaja merupakan bidang pekerjaan, sama ada secara tetap atau sampingan dalam mencari nafkah bagi meneruskan kehidupan bandar. Jika di desa mereka miskin, tetapi keadaan sosioekonomi mereka telah berubah kepada keadaan yang lebih baik, setelah berhijrah ke bandar raya Kuala Lumpur dan menjalankan kegiatan menjaja. Ciri-ciri sosioekonomi di kalangan penjaja sebagaimana yang dipaparkan adalah

merupakan cirri-ciri pengiat sektor informal. Oleh yang demikian, kegiatan menjaja di Kuala Lumpur adalah salah satu kegiatan ekonomi sektor informal yang terdapat di bandar raya ini. Dalam ekonomi bandar, apabila kita mencari kemiskinan bandar, ternyata yang miskin itu tidak semua terdiri daripada pengiat sektor ekonomi informal. Kajian ini memaparkan kegiatan menjaja di bandar raya Kuala Lumpur memperolehi pendapatan lumayan. Pendapatan yang diperolehi bukan sahaja setakat mampu menyara keluarga, tetapi juga dapat mengumpul kekayaan. Dengan ini, dalam konteks negara Malaysia, khususnya di bandar raya Kuala Lumpur, "dualisme ekonomi bandar" masih berperanan dan sama-sama menyumbang kepada pembangunan ekonomi bandar.